



Program Transformasi Kerajaan

Pelan Hala Tuju – Ringkasan Eksekutif



JABATAN PERDANA MENTERI



Diterbitkan pada 28 Januari 2010

©Hak cipta Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU),
Jabatan Perdana Menteri

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin daripada penerbit.

Diterbit oleh:

Unit Pengurusan Prestasi Dan Pelaksanaan (PEMANDU)

Jabatan Perdana Menteri

Aras 3, Blok Barat,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62502 Putrajaya

Tel: 03-8881 0128 Fax: 03-8881 0118

Email: ideas@transformation.gov.my

Laman Web: www.transformation.gov.my

Dicetak oleh:

Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB)

Jalan Chan Sow Lin

50554 Kuala Lumpur

Tel: 03-9236 6895 Fax: 03-9222 4773

Email: cservice@printnasional.com.my

Laman Web: www.printnasional.com.my



Program Transformasi Kerajaan

Pelan Hala Tuju – Ringkasan Eksekutif



Kata-kata Aluan

Kita dapat melihat bahawa sebagai sebuah negara yang muda, Malaysia telah banyak mengecapi kejayaan. Kita telah mengambil langkah penting dalam membasmi kemiskinan tegar secara berterusan dan telah membangunkan kepelbagaian asas ekonomi, mempertingatkan kualiti kehidupan rakyat jelata, dan mewujudkan sektor perkhidmatan awam yang progresif. Pada masa yang sama, kita juga berdepan dengan banyak cabaran yang nyata dalam mencapai matlamat Wawasan 2020.

Saya yakin bahawa Pelan Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan (GTP) adalah apa yang diperlukan untuk memacu kita ke arah mencapai Wawasan 2020. Ia menerangkan secara terperinci sebuah program yang berani dan di luar jangkaan untuk mengubah kerajaan dan memperbaharui fokus mengenai penyampaian perkhidmatan kepada rakyat Malaysia.

Skop GTP adalah meluas dan akan merangkumi setiap Kementerian dalam Kerajaan. Intipatinya dan yang paling penting, ia akan memberi tumpuan ke atas perkara-perkara utama yang amat penting bagi rakyat (sejajar dengan konsep *Rakyat Didahulukan*). Kerajaan akan membuat perubahan-perubahan penting demi mendatangkan hasil yang besar dan cepat (selaras dengan konsep *Pencapaian Diutamakan*) dan memastikan setiap warga Malaysia sama ada kaya dan miskin, di bandar dan di kampung, berpelajaran dan kurang berpelajaran, berkuasa dan kurang berkuasa akan menikmati hasil pembangunan negara dan tinggal dalam masyarakat yang pelbagai dan bersatu, di mana mereka akan menganggap diri mereka, pertamanya dan secara pentingnya seorang warga Malaysia (sejajar dengan konsep *1Malaysia*).

Saya cukup sedar bahawa mengubah kerajaan bukan suatu perkara mudah. Program transformasi ini akan didekati dengan cara baru yang radikal, sementara belajar dari apa yang berlaku pada masa yang lalu. Dalam melaksanakan usaha-usaha ini, pasti akan terdapat halangan dankekangan, termasuk sasaran yang tidak dicapai, inisiatif-inisiatif yang mungkin tidak mendatangkan hasil, penolakan (dari segolongan masyarakat) terhadap perubahan dan cabaran-cabaran baru yang tidak dapat dijangkakan. Dalam transformasi yang sedemikian, adalah juga merupakan perkara biasa bagi mengalami keadaan yang lebih merosot – ataupun berasa seolah-olah keadaan semakin merosot - sebelum berubah menjadi lebih baik. Meski pun adanya cabaran-cabaran yang tidak dapat dielakkan, kerajaan akan bertahan dan berusaha mencapai matlamatnya. Ini akan dilakukan dengan

berganding bahu bersama rakyat, sektor awam, sektor sosial dan semua segmen masyarakat.

Akhirnya, ingin saya menyatakan bahawa kerjasama para penjawat di dalam perkhidmatan awam adalah satu pra-syarat bagi mencapai kejayaan program ini. Tiada apa pun akan berjaya dalam kerajaan tanpa sokongan dari perkhidmatan awam. Saya ingin berterima kasih pada semua pekerja sektor awam atas perkhidmatan mereka yang dedikasi dan usaha-usaha yang berterusan untuk mempertingkatkan perkhidmatan sehingga ke hari ini, dan saya memohon sokongan penuh mereka dalam Program Transformasi Kerajaan ini dan dalam gagasan *1Malaysia, Rakyat Diutamakan, Pencapaian Didahulukan*.

Di sepanjang tahun yang seterusnya, kami akan memaklumkan kepada anda mengenai perjalanan program transformasi ini. Saya telah menubuhkan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan atau PEMANDU (Performance Management and Delivery Unit) di bawah Jabatan Perdana Menteri yang akan menyokong program transformasi ini. Dalam Laporan Tahunan pertama yang akan diterbitkan pada suku pertama tahun 2011, saya akan berkongsi maklumat mengenai kemajuan yang dibuat atas pelaksanaan, meraikan kejayaan-kejayaan, telus mengenai sasaran yang tidak tercapai dan memaklumkan pelan tindakan kami untuk meningkatkan prestasi di mana perlu.

Perjalanan tersebut pastinya panjang dan memerlukan, tetapi hasilnya sangat menggembirakan kerana kita bersama-sama menjayakan negara kita yang tercinta. Insya-Allah, kita akan berjaya.



Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak
Perdana Menteri
Malaysia

28 Januari 2010

Ringkasan Eksekutif ini meringkaskan dan merujuk kepada bab-bab dalam Pelan Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan. Anda dipelawa membaca Pelan Hala Tuju tersebut dengan sepenuhnya bagi mendapat gambaran yang lebih lengkap mengenai Program Transformasi Kerajaan dan inisiatif-inisiatif di bawah program ini

Ringkasan Eksekutif

Memperkenalkan transformasi

Malaysia kini berada di persimpangan. Pada tahun 1991, kita melahirkan azam untuk mencapai Wawasan 2020, untuk menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020. Walaupun kita berjaya mencapai kemajuan, pada kadar pertumbuhan waktu ini, negara kita berada dalam bahaya mengalami kehilangan daya saing dan kekurangan dalam mencapai cita-cita kita dalam bidang ekonomi dan sosial. Perubahan asas perlu dilakukan dalam pelbagai aspek, bukan sahaja dalam prestasi ekonomi dan sosial, tetapi juga dalam memenuhi janji dan penyampaian perkhidmatan awam yang memperkuuh keupayaan kita bagi membangunkan negara.

Bagi menghadapi segala cabaran yang menghalang kita daripada mencapai Wawasan 2020, kami memberikan sepenuh komitmen kepada Program Transformasi Kerajaan (GTP) selaras dengan prinsip *1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*. Pelan hala tuju ini memperincikan objektif, keberhasilan dan set tindakan permulaan – dalam bidang yang dikenal pasti sebagai Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA) – dengan fokus yang khusus pada tahun 2010. Seiringan dengan GTP, Majlis Penasihat Ekonomi Negara (MPEN) sedang membentuk Model Ekonomi Baru, dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) sedang membangunkan Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10). Untuk mendapatkan gambaran menyeluruh strategi Kerajaan, pelan hala tuju ini seharusnya dibaca bersama Model Ekonomi Baru dan RMK-10 yang akan dibentangkan pada tahun ini.

Kami sedar bahawa rakyat sudah tidak sabar untuk melihat keberhasilan, bahawa sumber yang ada adalah terhad dan pelbagai idea baru adalah diperlukan – dan kerajaan tidak mempunyai semua jawapannya. Oleh kerana itu, suatu kaedah – atau enjin transformasi – yang kami akan gunakan sekarang, bermula dengan proses pencarian idea terbaik, dan kemudiannya melangkah dengan pantas ke arah pelaksanaan. Kami yakin dan berdasarkan kepada pengalaman yang ada bahawa kami dapat belajar dengan lebih baik apabila kami ‘melakukan’ tugas itu, bukan sekadar ‘merancang’. Menerusi perlakuan tugas ini, kami boleh menilai kesan tindakan awal, dan melaksanakan sebarang penambahbaikan dengan pantas.

GTP seperti yang dihuraikan dalam pelan hala tuju ini tidak komprehensif, muktamad mahupun bersifat statik. Walaupun sasaran pelan hala tuju ini tidak akan berubah, namun inisiatif-inisiatif yang mewakili set tindakan permulaan untuk membantu kami mencapai sasaran. Inisiatif-inisiatif ini akan diperhalus berdasarkan pencapaian pelaksanaan di peringkat akar umbi. Kami akan menilai secara berkala dan mengumumkan laporan kemajuan berbanding sasaran semasa dalam suku tahun pertama pada setiap tahun. Kami akan menyatakan sebarang tindakan baru yang kami akan ambil demi untuk mempertingkatkan prestasi.

Daripada menetapkan sasaran yang kami dapat capai dengan mudah, kami lebih rela meletakkan sasaran yang tinggi sebagai satu cara bagi meningkatkan aspirasi kami. Ini bermakna berkemungkinan kami tidak akan mencapai semua sasaran. Seandainya kami ‘berjaya’ mencapai semua sasaran, maka ia bermakna kami telah tidak meletakkan sasaran pada tahap yang cukup tinggi. Oleh kerana itu, kami akan memberi sokongan kepada menteri dan pegawai perkhidmatan awam secara individu mengikut tahap pencapaian mereka berbanding sasaran, misalnya, tahap pencapaian 60% berbanding tahap sasaran 70%, 80% dan 90-100% (atau lebih).

GTP diketuai oleh Perdana Menteri dan barisan Kabinet, didukung oleh Ketua Setiausaha Negara dan pegawai perkhidmatan awam yang lain. Pelan hala tuju ini dirangka oleh Menteri Perpaduan dan Pengurusan Prestasi serta Ketua Pegawai Eksekutif, Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU). Bagi membentuk dan memperincikan sasaran, garis masa dan inisiatif, kami menubuhkan lapan pasukan yang berdedikasi di kalangan agensi (terdiri dari 250 pegawai perkhidmatan awam), digelar Makmal – satu bagi setiap enam NKRA, satu bagi *1Malaysia* dan satu lagi ditubuhkan bagi meneliti pengurusan data bagi segala usaha ini. Perdana Menteri, Menteri Kabinet dan pemimpin tertinggi perkhidmatan awam meluangkan banyak masa dengan setiap Makmal, bagi memantau kemajuan dan mencabar para peserta untuk meninggikan sasaran dan mempercepatkan masa pelaksanaan. Makmal juga telah mendapatkan input daripada pakar dan pekerja mahir dalam bidang masing-masing, dan daripada rakyat melalui beberapa kaji selidik, kumpulan fokus dan temuduga, berjuta-juta SMS, laman web GTP dan Hari Terbuka di Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu. Di Hari Terbuka di Kuala Lumpur sahaja, lebih 5,000 orang telah datang berkunjung dan 1,000 maklum balas diterima.



Cabaran merealisasi Wawasan 2020

Sejak dengan Wawasan 2020, kita komited mencapai sembilan matlamat, yang merangkumi ekonomi, politik, sosial, kerohanian, psikologikal dan kebudayaan. Secara kolektif, ia adalah set sasaran mencabar bagi Malaysia. Di bawah kepimpinan mantan para pemimpin dahulu dan kini, dan melalui kerja keras rakyat, kita berjaya mara ke hadapan ke arah mencapai Wawasan 2020.

Dalam tempoh 1991 – 2008, ekonomi Malaysia bertumbuh pada kadar 6.2% setahun. Prestasi kita lebih baik daripada negara-negara ASEAN secara keseluruhan dan lebih baik daripada kebanyakan ekonomi maju. Pertumbuhan sebegini telah dicapai sambil mengurangkan kadar kemiskinan dan kemiskinan tegar. Rakyat Malaysia hidup lebih lama, menerima pendidikan asas dan mengalami peningkatan akses kepada komunikasi mudah alih, Internet dan jalur lebar. Selain itu, Malaysia bertambah maju dalam penyediaan infrastruktur asas. Kemajuan sebegini dalam kualiti kehidupan dapat dikesan melalui peningkatan indeks di peringkat domestik

dan antarabangsa seperti Indeks Pembangunan Manusia (HDI) di bawah Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP) dan Indeks Kualiti Hayat di bawah EPU. Kita juga telah mempamerkan daya ketahanan dalam menghadapi cabaran serantau dan global, seperti krisis kewangan 1997-1998, kemelesetan selepas September 2001, wabak Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) dan baru-baru ini krisis ekonomi global.

Selain itu, perkhidmatan awam kita telah berkembang maju dan telah menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran. Tempoh dua dekad yang lalu telah menyaksikan tuntutan daripada rakyat yang semakin meningkat mengenai penambahbaikan dalam kualiti dan kuantiti perkhidmatan awam. Sebagai jawapannya, kami telah melaksanakan program-program bertujuan untuk menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat dengan cara yang lebih cepat dan mudah. Usaha-usaha yang ketara termasuk perluasan penggunaan teknologi (misalnya, myGovernment dan portal e-KL, e-filing borang cukai), peningkatan kecekapan operasi (misalnya, pasport yang dapat disiapkan dalam tempoh dua jam, pusat setempat untuk pendaftaran syarikat) dan membina keupayaan (misalnya, program pertukaran silang antara jabatan kerajaan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan).



Walaupun dengan kejayaan ini dan pencapaian yang lain, keadaan masih mencabar untuk memenuhi aspirasi Wawasan 2020. Dari sudut ekonomi, kita perlu meningkatkan kadar pertumbuhan kepada 8% setahun (daripada 6.2% setahun dalam tempoh 20 tahun yang lalu). Keadaan ini menjadi lebih sukar lagi apabila kita telah mengalami kadar pertumbuhan yang menurun sejak krisis ekonomi 1997 dan mempamerkan tanda-tanda akan menjadi mangsa perangkap pendapatan sederhana. Dari segi sosial, prestasi Malaysia dalam bidang jenayah, rasuah, pendidikan dan pengagihan pendapatan telah ketinggalan dan perlu dipertingkatkan bagi mencapai matlamat sosial yang termaktub dalam Wawasan 2020. Kerumitan tambahan adalah bahawa kita mempunyai bajet defisit yang kian meningkat dan tahap hutang yang tinggi, dan oleh itu perlu mencari penyelesaian untuk mengurangkan perbelanjaan sementara menyampaikan keberhasilan ekonomi dan sosial dengan cepat.

Dengan persekitaran global yang semakin mencabar, unsur ekonomi kita perlu dikemas kini secara strukturnya supaya kita dapat meningkatkan kadar pertumbuhan. Satu model ekonomi baru sedang dibangunkan pada masa ini oleh MPEN bagi membimbing strategi ekonomi negara. Manakala Rancangan Malaysia Ke-10 (2011 – 2015) akan dikeluarkan pada Jun 2010. Pelan hala tuju ini sebagai agenda penyampaian Kerajaan, dengan NKRA sebagai penggerak bagi mencapai aspirasi ekonomi kita, harus dibaca bersama-sama dengan dokumen-dokumen di atas.

Memangkin Wawasan 2020 melalui 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan

Bagi mempercepatkan prestasi kita supaya tercapai Wawasan 2020, kami telah merangka GTP berdasarkan kepada prinsip *1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*.

1Malaysia adalah berdasarkan kepada konsep keadilan kepada semua. Ini bermakna tidak ada kumpulan yang akan dipinggirkan, dan bantuan serta peluang akan diberikan berdasarkan kepada keperluan dan merit. Namun demikian, hak yang termaktub dalam Perlembagaan akan dipatuhi dan pembangunan pada tahap yang berbeza bagi kumpulan yang berlainan harus diambil kira. Prinsip *Rakyat Didahulukan* bermakna kami akan menumpukan perhatian kepada bidang yang sangat diperlukan dan dikehendaki oleh rakyat dan kami akan mengagihkan sumber yang terhad lebih kepada bidang-bidang itu. Bagaimanapun, kami akan mengimbangi keperluan jangka masa pendek dengan membuat pelaburan dalam bidang yang akan mendatangkan kesejahteraan dalam jangka masa sederhana dan jangka masa panjang. Dengan *Pencapaian Diutamakan*, satu tahap baru telah ditetapkan bagi ketelusan dan kebertanggungjawaban kerajaan. Keberhasilan yang ketara yang dapat dilihat dan dirasai oleh rakyat dan disampaikan dengan serta merta adalah diperlukan. Pelan hala tuju ini merupakan permulaan, dengan susunatur yang jelas mengenai objektif, sasaran dan rancangan, yang akan dilaporkan melalui laporan kemajuan tahunan.

GTP telah dibahagikan kepada tiga fasa, dan kami komited untuk menyampaikan keberhasilannya dalam setiap fasa dari segi *1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*.

Dalam Fasa 1 (2010 – 2012), objektif segera kami adalah untuk menentukan satu enjin baru bagi melaksanakan perubahan dan menyampaikan keberhasilan yang besar dengan cepat kepada rakyat. Ini termasuklah penetapan dan penyampaian sasaran dalam NKRA dan MKRA untuk menangani perkara yang diutamakan oleh rakyat. Langkah-langkah kecekapan sedia ada untuk mempertingkatkan produktiviti kerajaan akan diteruskan. Selain itu, kami komited untuk menerbitkan Laporan Tahunan dalam suku pertama pada setiap tahun, yang menggabungkan maklum balas dan debat dari orang awam, dan memulakan mekanisma pengurusan prestasi bagi memastikan penyampaian sasaran NKRA dan MKRA. PEMANDU telah ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk mengawasi dan membantu penyampaian keberhasilan.

Dalam Fasa 2 (2012-2015), transformasi kerajaan akan lebih melebar dan mendalam. Pada ketika itu, aspek penting kehidupan harian (ditakrifkan dalam NKRA dan MKRA) sudah menjadi lebih baik dengan ketara. Seterusnya, diharapkan struktur ekonomi negara dapat berkembang sejajar dengan Model Ekonomi Baru ke sektor yang mempunyai nilai tambah yang tinggi. Bagi kerajaan, produktiviti seharusnya semakin maju. Negara yang berpendapatan tinggi sudah mulai terbentuk.

Dalam Fasa 3 (2015-2020), harapan kita ialah kita sudah berjaya mencipta perubahan asas bagi masyarakat Malaysia, seperti yang dibayangkan oleh Wawasan 2020. Rakyat akan mengalami suatu perasaan baru sebagai rakyat Malaysia, dengan tahap kemakmuran yang lebih tinggi dan kualiti perkhidmatan awam yang lebih baik. Dijangkakan, kerajaan akan menjadi lebih kecil dan lebih tangkas, dan bekerja rapat dengan sektor swasta bagi menyampaikan perkhidmatan awam yang cekap. Dengan berbuat demikian, dijangka bahawa model yang inovatif dan berteraskan kepada pelanggan dalam penyampaian perkhidmatan awam telah terlaksana – berteraskan pilihan dan persaingan.



Manfaat *1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan* akan menjadi lebih signifikan bagi semua pihak yang berkepentingan. Bagi rakyat, terutamanya bagi mereka yang tinggal di luar bandar dan mempunyai pendapatan isirumah yang rendah, ini seharusnya telah meningkatkan kualiti kehidupan mereka secara menyeluruh dan menerapkan perasaan perpaduan yang lebih tinggi. Lebih ramai kaum Bumiputera akan menikmati manfaat kerana akses akan dipertingkatkan dan ianya berdasarkan kepada keperluan dan merit dan bukannya ‘hubungan peribadi’ seseorang individu. Sementara itu, komuniti perniagaan akan menikmati manfaat daripada keadaan yang memberikan laluan mudah dan telus dalam berurus dengan Kerajaan, infrastruktur yang lebih cekap untuk melakukan perniagaan dan kualiti tenaga kerja yang lebih baik. Akhir sekali, pegawai perkhidmatan awam akan berpeluang mendapat ganjaran dan pengiktirafan bagi prestasi cemerlang serta berpeluang juga untuk belajar dan mengaplikasikan kaedah penyampaian yang baru dan inovatif.

Membangunkan *1Malaysia*

Mencipta kebersatuan atau perpaduan di dalam sebuah negara yang mempunyai pelbagai agama dan pelbagai budaya adalah suatu perkara yang amat mencabar. Malaysia telah memilih satu jalan penyelesaian yang unik – iaitu perpaduan dalam kepelbagaian dan keterangkuman sementara memastikan keadilan untuk semua dan masih patuh kepada Perlembagaan kita. Ini bermakna kita menerima kepelbagaian kaum, agama dan kepercayaan dan dengan menjadi inklusif, kita

membina perasaan saling menghormati dan penerimaan menjadikannya satu asas yang kukuh terhadap perpaduan dan kesalingpercayaan. Dari sudut sejarah, inilah jalan penyelesaian yang kita telah ambil sebagai sebuah negara dan sekarang ianya telah dirangkumkan dalam prinsip *1Malaysia*.

Dalam setiap masyarakat manusia sememangnya terdapat polariti, apakah lagi dalam sebuah masyarakat majmuk. Polariti merupakan kewujudan dua buah pandangan, keadaan atau permintaan yang berlawanan antara satu sama lain. Tidak seperti masalah teknikal atau mekanikal yang boleh dilerakan dengan penyelesaian yang biasa, jelas dan mudah, polariti lazimnya memerlukan keseimbangan yang perlu diuruskan dengan baik. Penerimaan inklusif adalah satu pendekatan untuk mengurus polariti, dan mungkin adalah pendekatan yang terbaik.

1Malaysia telah dibina berasaskan kepada Perlembagaan Persekutuan, pelbagai polisi dan undang-undang, Rukun Negara, Wawasan 2020 dan Misi Nasional. Ia dibangunkan di atas konsep perpaduan dalam kepelbagaian, inklusif, keadilan sosial, nilai moral dan aspirasi *1Malaysia* yang telah dijelaskan oleh Perdana Menteri (seperti budaya berprestasi tinggi, ketabahan, hormat-menghormati, budaya ilmu, integriti, kebijaksanaan, rendah hati dan kesetiaan) dan komitmen berkembar *Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*.



Matlamat *1Malaysia* adalah untuk menjadikan Malaysia lebih berdaya maju, lebih produktif dan lebih berdaya saing – dan kemuncaknya sebuah negara yang hebat: sebuah negara yang diharapkan agar setiap warga Malaysia melihat dirinya terlebih dahulu sebagai rakyat Malaysia, dan kemudiannya barulah melihat dirinya berdasarkan bangsa, agama, kawasan geografi dan latar belakang sosial, dan juga sebuah negara yang diharapkan agar prinsip *1Malaysia* dijalin dalam struktur ekonomi, politik dan sosial masyarakat.

Warga Malaysia mempunyai pandangan yang berbeza terhadap konsep *1Malaysia* yang idealistik dan langkah yang diperlukan untuk membolehkan kita mencapainya. Apabila pungutan pendapat dibuat melalui pelbagai saluran, kami telah mendapatkan perspektif yang berbeza-beza. Terdapat pihak yang menegaskan perlunya mengekalkan keadaan sedia ada, akan tetapi terdapat sejumlah besar juga yang

ingin melihat perubahan yang drastik. Meskipun *1Malaysia* merupakan satu aspirasi, kita tidak boleh terus melompat dari tempat kita berada pada hari ini ke hujung destinasi yang kita harapkan. Untuk mencapai aspirasi itu, kita perlu mengambil masa dan melakukan pengubahsuaian secara berhemah untuk mengekalkan keamanan dan keharmonian yang telah kita bangunkan sejak lahirnya negara kita. Juga, melaksanakan *1Malaysia* tidak hanya merupakan tanggungjawab kerajaan; ia memerlukan kreativiti dan semangat sukarela semua warga Malaysia untuk menjadikannya satu kenyataan. Kita tidak akan tiba di sana dengan sekilip mata, tetapi, dengan izin Tuhan, kita akan dapat sampai juga akhirnya ke destinasi itu.

Dikenal pasti dan dirangka berdasarkan maklum balas awam, enam NKRA ini dimaksudkan untuk semua rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, agama dan wilayah. Empat daripadanya, iaitu pendidikan, isirumah berpendapatan rendah, infrastruktur luar bandar dan pengangkutan awam bandar mensasarkan keperluan kumpulan berpendapatan rendah dan kurang bernasib baik. Kejadian kemiskinan dan kekurangan infrastruktur adalah lebih menonjol di kalangan orang Melayu, Bumiputera Sabah dan Sarawak, India dan Orang Asli, meskipun ia tidaklah eksklusif kepada mereka sahaja. Dengan menyampaikan NKRA ini, kita akan mengurangkan ketidaksamaan sedia ada, yang seterusnya akan mengurangkan perasaan yang munasabah ekoran kehilangan hak yang relatif yang ada kalanya mungkin bertukar menjadi rasa tidak puas hati yang dianggap dan diungkapkan dalam bentuk perkauman.

Malah, usaha bersepada untuk menyampaikan hasil positif dalam enam NKRA akan menggalakkan, menggembung dan merangsangkan penyertaan yang aktif dan sumbangan yang berkesan daripada pegawai kerajaan, sektor swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan rakyat jelata. Ini seterusnya akan memupuk rasa kesatuan matlamat yang lebih padu dan membawa rakyat lebih dekat bersama antara satu sama lain.

Untuk menjana inisiatif tambahan dan mencipta pelan tindakan untuk mencapai keunggulan *1Malaysia*, kami telah menganjurkan Makmal *1Malaysia* pada Oktober dan November 2009. Wakil-wakil dari sektor swasta, perkhidmatan awam, ahli akademik dan NGO telah dijemput untuk turut-serta. Selain mendapatkan pandangan daripada lebih 100 orang (pegawai tinggi perkhidmatan awam, ketua NGO, ketua komuniti, ketua perniagaan yang terkenal dan pemimpin pelajar), input telah juga didapati daripada orang ramai melalui kaji selidik awam, Hari Terbuka, kumpulan fokus, SMS dan laman web.

Bekerjasama di dalam makmal, kami telah mengenal pasti beberapa isu dan inisiatif berkaitan dengan perpaduan dan telah mengelompokkan mereka kepada tujuh kumpulan. Kebanyakan program telah pun dilaksanakan dan perlu disemak semula, sementara yang lainnya berupa cadangan yang perlu dipertimbangkan untuk dilaksanakan oleh pelbagai kementerian dan agensi. Senarai inisiatif ini tidak komprehensif mahupun lengkap.

(1) Ekonomi dan perpaduan negara di bawah *1Malaysia*

Kemiskinan dan ketaksamaan antara etnik dalam penyertaan ekonomi dan pengagihan kekayaan telah dikenal pasti sebagai punca utama ketegangan antara etnik, persengketaan dan ketidakstabilan sosio-politik Malaysia pada lewat 1960-an. Oleh sebab itu, pertimbangan sosioekonomi ini telah membentuk asas kepada rumusan dan pelbagai pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) sejak tahun 1971. Matlamat pertama DEB, iaitu menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum, sebahagian besarnya tercapai. Matlamat keduanya mengenai penstrukturran semula


penyertaan ekonomi dan pemilikankekayaan dalam masyarakat juga telah mendapat kejayaan dalam meningkatkan bilangan dan peratusan profesional Bumiputera. Bagaimanapun, walaupun pembahagian ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat telah meningkat secara mutlak, ianya tidak berubah dalam pengukuran yang relatif.

Pelaksanaan DEB telah juga membawa kepada keadaan yang tidak diduga, termasuk kemunculan 'ekonomi dwi-kelajuan', meluaskan ketidak-samarataan, peningkatan perasaan tidak berpuas hati dan bilangan rakyat berbakat meninggalkan negara kian meningkat. Adalah penting bagi semua perkara ini ditangani, jika tidak, daya saing, daya tahan dan kestabilan ekonomi kita – dan perpaduan negara – akan terjejas.

Sejumlah langkah telahpun dilaksanakan. Seiring dengan penubuhan EKUINAS (Ekuiti Nasional Berhad, sebuah dana ekuiti swasta baru untuk mendorong penyertaan Bumiputera dalam bidang yang mempunyai pertumbuhan tinggi), sektor kewangan serta 27 sub-sektor perkhidmatan telah diliberalisasikan. Lebih banyak lagi inisiatif sedang dibentuk sebagai sebahagian daripada Model Ekonomi Baru dan dijangka akan diumumkan dalam suku pertama tahun 2010.

Idea-idea yang dicadangkan berdasarkan kepada perbincangan dalam makmal dan maklum balas daripada pelbagai sumber khususnya untuk menggalakkan gabungan antara kaum yang lebih efektif dan perpaduan dalam bidang ekonomi termasuk:

- Merangka strategi yang lebih tertumpu dan berkesan untuk memanfaatkan keupayaan linguistik, hubungan budaya dan anutan agama yang berbeza oleh rakyat Malaysia untuk menerokai dan memanfaatkan lagi peluang ekonomi di pasaran sedang membangun di China, India dan negara-negara Islam
- Menjalin kerjasama dan penyertaan yang sebenar dalam perusahaan perniagaan untuk pasaran luaran dan domestik, dengan menumpukan pada produk dan perkhidmatan yang memanfaatkan kepelbagaian kita seperti kewangan Islam



- Merangka sebuah strategi ‘brain gain’ (mendapatkan tenaga kerja berkemahiran) yang lebih berkesan dan menyediakan persekitaran yang lebih kondusif untuk menarik tenaga mahir, merangkumi orang Malaysia dan bukan Malaysia, untuk memberikan sumbangan kepada pelbagai bidang ekonomi berdasarkan pengetahuan
- Berhubung dan meyakinkan diaspora Malaysia untuk melabur di Malaysia atau membantu memasarkan produk dan perkhidmatan Malaysia di negara atau tempat tinggal mereka masing-masing
- Mencegah diskriminasi berdasarkan ciri perkauman atau keupayaan linguistik dalam iklan pekerjaan

(2) Pendidikan dan perpaduan negara di bawah *1Malaysia*

Sistem pendidikan mencerminkan kepelbagaian budaya dan bahasa, dan terdapat pelbagai aliran yang menggunakan media pengajaran yang berlainan di semua peringkat; peringkat rendah, menengah dan tertiar. Hasilnya, sistem pendidikan menghasilkan para pelajar yang mempunyai keupayaan bahasa yang berbeza (Bahasa Malaysia, Cina, Inggeris, Tamil, dan Arab), justeru membolehkan rakyat Malaysia berkomunikasi dan meneroka peluang pembelajaran dan perniagaan dalam pasaran-pasaran utama di dunia – China, India, negara-negara Islam dan Barat.

Keupayaan pelbagai bahasa ini telah dan akan terus menjadi satu kelebihan bagi rakyat Malaysia, yang sekiranya ditambah baik dan dimanfaatkan dengan sewajarnya, akan meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara perdagangan utama dunia. Bagaimanapun, ia telah mengakibatkan pelajar dari kaum berlainan diasingkan. Justeru, terdapat keperluan terhadap usaha yang berterusan dan inisiatif baru untuk menggalakkan integrasi dalam sistem pendidikan formal.

Sejumlah langkah awal telah dilaksanakan dan langkah-langkah itu akan ditambah dengan idea baru, termasuk:

- Meningkatkan kualiti sekolah kebangsaan sebagai sekolah pilihan bagi semua pelajar (tanpa mengira kaum atau agama) dari segi kecemerlangan dalam pengajaran dan pembelajaran, dengan peruntukan untuk bahasa ibunda dan sebuah suasana yang lebih pelbagai keterangkumannya, sebagaimana kesnya bagi beberapa sekolah-sekolah mubaligh utama di kawasan bandar
- Pelaksanaan Rancangan Integrasi Murid-murid untuk Perpaduan (RIMUP) yang lebih ekstensif dan berkesan untuk menggalakkan interaksi antara pelajar SK dengan SJK
- Menggalakkan Sekolah Berasrama *1Malaysia* dengan menjadikan sekolah berasrama semasa lebih berciri pelbagai kaum dalam komposisi pelajar dan menubuhkan sekolah asrama berkualiti tinggi yang terbuka kepada semua
- Menganugerahkan biasiswa kebangsaan kepada pelajar berprestasi tinggi, secara ketatnya berdasarkan merit, untuk menyambung pengajian di universiti antarabangsa terkemuka
- Menjadikan IPT swasta lebih berciri pelbagai kaum dalam komposisi pelajar dengan menyediakan insentif dan dermasiswa tambahan kepada pelajar Bumiputera
- Menyediakan guru yang mempunyai pengetahuan, daya kesedaran dan kemahiran yang menjadikan mereka sentitif terhadap latar belakang pelajar yang berbeza-beza dan menangani perhubungan antara kaum dalam kaedah yang positif dan pro-aktif

(3) Menggalakkan interaksi sosial *1Malaysia*

Beberapa program dan projek telah dilaksanakan untuk menggalakkan interaksi sosial di kalangan rakyat Malaysia dengan signifikan, termasuk:

- Rukun Tetangga telah memberi tumpuan kepada penggalakan semangat kejiranian, membantu dalam kawalan kejiranian dan menggalakkan pelbagai aktiviti komuniti, alam sekitar, ekonomi dan sosio-sivik
- Program Latihan Khidmat Negara telah melibatkan belia daripada semua latar belakang dalam kem selama tiga bulan serta persekitaran kerja sosial. Cadangan termasuk menanamkan semangat esprit de corp, yang melibatkan lebih banyak belia dan melanjutkan tempoh serta menubuhkan kumpulan alumni
- Pelbagai program untuk sukan, belia dan pembangunan wanita yang dapat menyumbang kepada lebih integrasi di kalangan pelbagai komuniti. Cadangan termasuk menarik penyertaan yang lebih bertahanan dan meluas
- Pelbagai program di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) untuk menggalakkan kesedaran mengenai asas kenegaraan serta kebajikan, pemahaman dan integrasi. Cadangan termasuk perluasan dan peningkatan program untuk memberi penekanan kepada perubahan sikap
- Rancangan Integrasi Murid-Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) menggalakkan aktiviti esktra kurikulum bersama antara sekolah rendah kebangsaan dan jenis kebangsaan. Cadangan termasuk melibatkan lebih banyak sekolah dan memanfaatkan sokongan persatuan ibu bapa dan guru (PIBG), Rukun Tetangga dan NGO tempatan, kajian semula metodologi dan menggunakan Internet
- Program dalam kesenian dan kebudayaan untuk menampilkan warisan kaya kita dan menggalakkan perasaan bangga dan keempunyaannya. Cadangan termasuk menggunakan tema berbilang kaum dalam teater, mempromosikan muzik yang dimainkan dengan menggunakan peralatan tradisional dan menggalakkan rakyat Malaysia untuk menulis dalam pelbagai bahasa untuk pembaca dari dalam maupun luar negara

Kesemunya di atas telah mencapai kejayaan pada tahap yang berbeza-beza dan oleh itu akan memerlukan penambahbaikan selanjutnya ekoran dari kajian semula yang mendalam.

(4) Menguruskan polariti agama dan budaya

Rakyat Malaysia yang menganuti berlainan agama sedang – dan telah – hidup bersama secara aman dan harmoni. Bagaimanapun, apabila rakyat Malaysia dari pelbagai kepercayaan berinteraksi rapat di tempat kerja, sekolah dan suasana sosial, tidak dapat dielakkan bahawa perselisihan faham dan pertengkarannya kecil akan berlaku. Malangnya, ada kalanya hal-hal ini ditafsirkan sebagai didorong oleh kaum atau agama, dan jika tidak diurus dan diselesaikan dengan baik, pertengkarannya kecil begini akan menjadi konflik antara komuniti.

Terdapat beberapa bidang sensitif yang khusus dan merisaukan yang memerlukan lebih perhatian, misalnya, penempatan semula tempat ibadat atau perkahwinan campur yang memerlukan salah seorang daripada pasangan memeluk agama pasangannya yang lain.

Penempatan semula tempat ibadat kerap kali menjadi isu perancangan bandar yang memerlukan pembentukan prinsip panduan dan prosedur serta mekanisma perantaraan. Bagi kes yang disebabkan isu menukar agama, baru-baru ini kami telah memohon nasihat daripada Raja-raja Melayu, majlis agama Islam negeri dan

NGO yang relevan supaya kami boleh membentuk garis panduan dan peraturan untuk meminda akta yang berkaitan. Matlamat kami adalah untuk memastikan bahawa sebarang tanggungjawab yang dipikul diketahui oleh kedua-dua individu yang memeluk agama baru dan ahli keluarganya yang tidak memeluk agama tersebut, supaya pertikaian sedemikian dapat dielakkan.

Adalah penting untuk mengambil maklum mengenai potensi risiko perselisihan faham yang akan timbul daripada polariti agama dan budaya, dan usaha-usaha harus dibuat untuk menggalakkan pemahaman yang lebih di kalangan pelbagai kumpulan (misalnya, melalui panel perundingan mengenai keharmonian sosial dan perpaduan negara di peringkat Persekutuan dan negeri untuk menggalakkan pemahaman antara kaum dan kepercayaan). Lagi pun, daripada memberi fokus hanya kepada potensi perbezaan dan perselisihan faham, kita seharusnya menggunakan masyarakat Malaysia yang terdiri dari berbilang agama dan berbilang budaya sebagai satu kelebihan (misalnya, melalui menjadi tuan rumah kepada forum antarabangsa untuk perbincangan yang mendalam mengenai kepercayaan antara kaum dan silang budaya yang akan mempamerkan sebahagian besar pemimpin Malaysia adalah orang Islam yang mentadbir sebuah negara yang penduduknya terdiri dari berbilang agama).

(5) Ke arah kerajaan *1Malaysia* yang sebenarnya

Komitmen untuk terus menaik taraf kelancaran penyampaian oleh pentadbiran Kerajaan dan perkhidmatan awam melangkaui rintangan kaum, agama dan daerah. Perhatian khusus akan diberikan untuk memastikan bahawa perkhidmatan awam menjadi lebih inklusif dan komited sepenuhnya untuk mempraktikkan semangat *1Malaysia*.

Langkah-langkah awal sudah pun diambil, contohnya, penubuhan sebuah pasukan petugas khas persekutuan untuk menjelaskan status warganegara tanpa dokumen pengenalan diri di Sarawak dan mengeluarkan kad pengenalan kepada warganegara yang sah. Penduduk yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri sepenuhnya akan memperoleh status yang dijelaskan dan dokumen mereka dikeluarkan pada tahun 2011. Semua warganegara yang sah tanpa kad pengenalan diri akan diberi kad pengenalan pada akhir tahun 2010.

Selain itu, contoh cadangan untuk menggalakkan kerajaan *1Malaysia* yang sebenarnya termasuk :

- Memastikan penggalakan semangat *1Malaysia*, iaitu kesatuan dalam kepelbagaian menerusi keterangkuman menjadi satu komitmen penting dan seterusnya satu komponen penting dalam KPI keseluruhan setiap satu kementerian dan agensi awam
- Mengubah komposisi etnik perkhidmatan kerajaan agar lebih mewakili komposisi rakyat, secara khususnya menggalakkan lebih banyak orang Cina dan India untuk menyertai perkhidmatan awam dan meningkatkan jumlah pegawai penduduk asal Bumiputera dari Sabah dan Sarawak
- Memastikan bahawa semua program dan kursus, termasuk yang dikendalikan oleh Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Biro Tata Negara (BTN), menggalakkan sepenuhnya matlamat dan prinsip Rukun Negara di samping semangat keterangkuman dan nilai-nilai teras *1Malaysia*
- Menyemai pandangan, sikap dan kelakuan yang lebih meluas dan terangkum dalam kalangan kakitangan awam supaya mereka lebih sensitif terhadap kepelbagaian dalam budaya dan adat serta perbezaan pandangan dan keperluan. Selain itu,

mereka perlu berkemahiran untuk menguruskan dan menjadi pengantara kepada konflik yang mungkin berlaku di kalangan penduduk

- Menghapuskan keperluan untuk menyatakan bangsa dalam borang kerajaan, kecuali apabila ia bertujuan untuk benci dan statistik

(6) Menggalak dan mengamalkan politik *1Malaysia* yang inklusif

Kemerdekaan dicapai pada tahun 1957 menerusi kesatuan matlamat yang dibentuk oleh parti berasaskan tiga bangsa dalam Parti Perikatan. Pada tahun 1974, pakatan tiga pihak ini dikembangkan seterusnya untuk merangkumi parti-parti lain, sesetengahnya bersifat pelbagai kaum dari segi komposisi, untuk membentuk parti Barisan Nasional (BN) yang lebih besar. Parti pembangkang, Pakatan Rakyat terdiri daripada dua parti berbilang kaum dan satu parti berasaskan agama. Walaupun kedua-dua parti gabungan mencerminkan dan mewakili rakyat Malaysia dari pelbagai kaum dan agama, retorik berasaskan kaum dan agama masih kedengaran dari semasa ke semasa daripada individu daripada kedua-dua pihak.

Sejajar dengan semangat *1Malaysia* dan supaya *1Malaysia* boleh berjaya, terdapat suatu keperluan segera bagi semua parti politik, sama ada berasaskan kaum, berasaskan agama ataupun berbilang kaum, dan semua ahli politik untuk bergerak ke arah lebih kepada politik inklusif, menitik beratkan kepada banyak isu am yang memberi kesan kepada semua rakyat Malaysia, menggunakan nilai sejahtera daripada melaungkan perbezaan kaum, agama dan wilayah. Pemimpin politik seharusnya memimpin melalui teladan, menghapuskan stereotaip perkauman, dan di mana boleh, memastikan bahawa pegawai mereka mewakili berbilang kaum. Kita semua semestinya mempromosi politik *1Malaysia* yang inklusif.

(7) Menggalakkan media *1Malaysia* yang inklusif

Dengan perkembangan pesat media cetak dan kini elektronik dalam Bahasa Malaysia, Cina, Inggeris dan Tamil (dan sisipan dalam Kadazan-Dusun dan Iban-Dayak dalam sesetengah akhbar Bahasa Malaysia dan Inggeris di Sabah dan Sarawak), media Malaysia mencerminkan kepelbagaiannya Malaysia. Ekoran itu, pelbagai komuniti berasaskan kaum dan budaya di Malaysia adalah lebih berpengetahuan tentang, dan kekal dihubungkan dengan, dunia Islam, China, India dan Barat yang lebih luas. Ini mempunyai nilai budaya dan ekonomi yang akhirnya menyumbang kepada kelebihan menyeluruh Malaysia.

Sebaliknya, jika dan apabila terdapat kaedah pelaporan dan penulisan yang berbentuk terlalu berpusatkan sesebuah etnik (ethno-centric) atau lebih bersifat perkauman, maka, ini akan memperkuatkannya lagi tembok perkauman dan bukan meruntuhkannya. Selanjutnya, daripada memberikan kritik yang sahih dan membina, sesetengah penulis menyalah guna hak kebebasan bersuara yang lebih besar yang sedia ada dengan menggunakan istilah dan perasaan yang bersifat perkauman atau hasutan.

Sementara penapisan adalah bercanggah dengan demokrasi, terdapat keperluan bagi memulakan, menerap dan menghayati secara dalam suatu komitmen terhadap kewartawan yang bercorak profesional, suatu perasaan kebertanggungjawaban dan kawal diri, dengan sifat sensitif terhadap pelbagai pandangan dan perasaan pelbagai komuniti di Malaysia.

Melaksanakan *1Malaysia*

Kami, dengan teliti, telah menimbangkan jalan terbaik untuk *1Malaysia* dan telah memilih pendekatan bersifat evolusi berasaskan kepada persetujuan sebulat suara dan perubahan beransur-ansur. Sehingga kini, kebanyakan kementerian dan agensi telahpun melaksanakan program yang menyumbang – secara langsung atau tidak langsung – kepada perpaduan negara dan integrasi sosial. Bagaimanapun, terdapat keperluan segera bagi fungsi perancangan dan penyelarasaran untuk membentuk strategi dan polisi bagi seluruh jentera kerajaan (seluruh kementerian dan agensi) dan mempertingkatkan pelaksanaan, kerjasama antara kementerian dan memantau program dan aktiviti. Terdapat juga keperluan untuk menggalakkan lebih banyak penyelidikan yang mendalamai aspek hubungan antara kaum dan antara agama.

Kami bercadang untuk menstruktur semula JPNIN untuk dibahagikan kepada dua jabatan. Jabatan yang pertama memberi fokus kepada penggalakan Rukun Tetangga dan program yang lain untuk menggalakkan interaksi di kalangan belia, wanita, warga emas dan integrasi antara penduduk Malaysia Barat dan Malaysia Timur (peranan tradisi). Jabatan yang kedua akan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan akan dinamakan Unit Perancangan Perpaduan dan Integrasi Nasional (UPPIN), yang akan memberi fokus ke atas penyelidikan dan pembentukan polisi, pelan strategik dan pembangunan, dan pemantauan dan penilaian keberhasilan, sama seperti agensi pusat seperti EPU dan Unit Penyelarasaran Pelaksanaan (ICU).

Walaupun sukar untuk mengukur, kami akan menggunakan dua indeks bagi memantau perpaduan negara dan sosial harmoni. Indeks Keamanan Global (Global Peace Index) akan memberikan suatu pengukuran objektif mengenai kedudukan Malaysia yang boleh dibandingkan dengan negara-negara lain, sementara Indeks Stres Masyarakat (Societal Stress Index) di bawah JPNIN akan terus membolehkan kami mengukur perselisihan faham dan protes yang bersifat perkauman atau keagamaan. Untuk mendapatkan suatu gambaran yang lebih komprehensif, JPNIN telah meningkatkan perhubungan kerja dengan penyelidik-penyelidik dari universiti dan meningkatkan pembiayaannya kepada penyelidikan dan projek kajian.

Mencapai perpaduan negara telah dan akan terus menjadi misi yang paling penting bagi Malaysia dan semua rakyat Malaysia. Ia merupakan misi yang berterusan dan barang kali tiada kesudahan yang memerlukan kesungguhan yang signifikan. Kami berazam dan berdedikasi untuk menggalakkan misi *1Malaysia*. Inisiatif kami, bersama dengan kejayaan pelaksanaan Model Ekonomi Baru dan penyampaian keberhasilan dalam NKRA dan MKRA, akan menyambut suatu era baru *1Malaysia*.

Sebenarnya, kami tidak ada pilihan melainkan untuk melaksanakan transformasi Kerajaan, untuk mencapai keberhasilan yang ketara dengan cepat dan mentransformasi Malaysia. Terdapat terlalu banyak risiko besar jika tidak berbuat demikian: pelaburan dan persaingan ekonomi kita akan terus menjunam, kita akan kehilangan kerja dan bakat, pendapatan kita akan menurun, mata pencarian, taraf dan kualiti hidup akan semakin merosot; struktur masyarakat kita akan semakin renggang; keharmonian antara kaum, kestabilan dan keselamatan kita akan terancam. Sebaliknya, jika kita boleh saling bermuafakat dan bekerjasama, bersikap tegas dan tertumpu kepada resolusi serta perjuangan kita, kita bukan sahaja dapat mengatasi pelbagai isu yang membenggu rakyat malah juga membawa keuntungan kepada semua. Melalui usaha sama kita, kita akan berjaya membina sebuah ekonomi yang moden lagi pesat, sebuah masyarakat yang bersepadu dan bersatu hati dan sebuah kerajaan yang berwibawa serta komited.

Rakyat didahulukan

NKRA telah diidentifikasi sebagai bidang utama bagi negara. Ianya mewakili sebuah gabungan keutamaan jangka masa pendek untuk menangani tuntutan terdesak rakyat dan tidak kurang pentingnya isu jangka masa panjang yang memberi kesan kepada rakyat yang memerlukan perhatian kami sekarang. Untuk menunjukkan bagaimana pentingnya NKRA itu, ianya merupakan tanggungjawab bersama Kabinet, dengan akauntabiliti untuk menyampaikan keberhasilan terletak pada menteri peneraju, yang mana mereka ini telah dilantik dan akan dipantau secara formal oleh Perdana Menteri.

Kewujudan NKRA bukan bererti bidang lain tidak akan mendapat perhatian. Bidang-bidang yang lain ini akan diliputi di peringkat Menteri dan disebut sebagai MKRA. Setiap menteri yang berkaitan akan dipertanggungjawabkan untuk menyampaikan keberhasilan masing-masing.

Zaman “kerajaan maha mengetahui” telah berlalu. Bagi memastikan yang kami mempunyai ukuran yang tepat dan merasakan bidang apa yang perlu diutamakan untuk rakyat, berbilang sumber input telah dipertimbangkan termasuk undian pendapat rakyat, kaji selidik persepsi, analisis media (alternatif dan aliran perdana), dialog dengan ahli akademik dan pemimpin dari sektor awam dan sektor swasta.



Selepas dibincangkan dengan cermat oleh Kabinet, enam NKRA dan menteri peneraju masing-masing telah diumumkan oleh Perdana Menteri ketika menyampaikan ucapan beliau semasa meraikan 100 hari dalam pentadbiran pada 11 Julai 2009, iaitu: mengurangkan jenayah (diterajui oleh Menteri Dalam Negeri), membanteras rasuah (diterajui oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, bahagian Undang-undang), mempertingkatkan pencapaian pendidikan (diterajui oleh Menteri Pelajaran), mempertingkatkan taraf kehidupan isirumah berpendapatan rendah (diterajui oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat), mempertingkatkan infrastruktur asas luar bandar (diterajui oleh Menteri Luar Bandar dan Wilayah) dan memperbaiki pengangkutan awam bandar (diterajui oleh Menteri Pengangkutan).

Oleh kerana pentingnya bagi kami menyampaikan NKRA dengan cepat, ianya akan diberi keutamaan dari segi perhatian pemimpin, pengagihan kewangan dan mendapatkan pegawai yang berbakat. Sebagai contoh, selain daripada mesyuarat Kabinet di mana perkembangan NKRA dibincangkan, PM menetapkan purata 10 – 12 jam sebulan khusus untuk isu berhubung dengan NKRA. Kewangan untuk inisiatif NKRA telah disediakan melalui pengagihan semula daripada bidang yang berkeutamaan rendah. Akhir sekali, pegawai perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi telah dipilih oleh KSU masing-masing untuk membangunkan inisiatif dan sasaran yang telah dimasukkan ke dalam pelan hala tuju ini.

Kami akan terus melibatkan rakyat. Input dan maklum balas mengenai inisiatif semasa dan baru akan diperoleh melalui beberapa saluran yang digunakan setakat ini, misalnya, melalui kaji selidik, kumpulan fokus, SMS, laman web GTP dan Hari Terbuka. Selain itu, penyertaan rakyat dalam memberi sokongan kepada penyampaian NKRA amat diperlukan, kerana dalam banyak kes, kami akan hanya mampu untuk menyampaikan keberhasilan dengan cara bekerjasama dengan rakyat, sektor swasta dan pihak berkepentingan yang lain.

Berikut adalah huraihan ringkas mengenai NKRA dan objektif prestasinya serta tindakan-tindakan yang berimpak tinggi yang kami akan laksanakan. Maklumat lanjut disediakan dalam bab bagi setiap bidang.

Mengurangkan jenayah

Kadar jenayah indeks¹ pada keseluruhannya meningkat daripada 746 jenayah yang dilaporkan per 100,000 penduduk pada tahun 2006 kepada 767 pada tahun 2007 dan tahun 2008 – peningkatan hampir 3%. Memandangkan peningkatan ini, dan betapa pentingnya isu ini kepada rakyat, kami bercadang untuk mengurangkan kadar jenayah melalui beberapa tindakan yang tertumpu kepada penyampaian tiga keberhasilan:

(1) Pengurangan indeks jenayah yang dilaporkan secara menyeluruh, dengan tumpuan kepada jenayah jalanan

Sasaran kami adalah untuk mencapai pengurangan sekurang-kurangnya 5% dalam jenayah indeks² keseluruhan yang dilapor setiap tahun untuk tiga tahun yang akan datang. Namun demikian, oleh kerana kami berhasrat untuk menumpukan perhatian kepada jenayah jalanan, kami mensasarkan keberhasilan yang lebih cepat lagi – pengurangan sebanyak 20% dalam jenayah jalanan yang dilapor menjelang Disember 2010.

Beberapa inisiatif utama yang akan menyumbang kepada pengurangan jenayah indeks secara menyeluruh termasuk: mengamalkan pengawasan terhadap kecurian motosikal, kecurian kereta dan pecah rumah; mempertingkatkan ciri-ciri keselamatan untuk motosikal, kereta dan rumah (menggalakkan pemasangan kunci khas untuk motosikal dan meletakkan kod pada bahagian kenderaan); memberi ganjaran kepada pemilik-pemilik yang berbelanja untuk meningkatkan ciri-ciri keselamatan, dengan menggalakkan pemberi insurans untuk mlaraskan premium insurans menurut ciri-ciri keselamatan yang dipasang, dan meningkatkan kebolehan mendapat dan menggunakan peranti capaian mudah alih, membolehkan pegawai

¹ Berdasarkan Jenayah Indeks yang diukur oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM)

² 14 jenis jenayah yang berlaku dengan lazim dan signifikan sehingga ianya secara kolektif menjadi indeks penting kepada keadaan jenayah keseluruhan; dibahagikan kepada kecurian harta benda (misalnya, curi rugut, pecah rumah) dan jenayah kekerasan

polis dalam rondaan untuk menyemak status hak milik kenderaan melalui pautan kepada pendaftaran kenderaan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Bagi mengurangkan jenayah jalanan, inisiatif termasuk: menambah kehadiran polis di 50 hot spot di empat negeri³ (yang menyebabkan 70% jenayah jalanan) dan menguatkan kehadiran mereka dengan lebih 3,000 sukarelawan terlatih (termasuk dari Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), dan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA)) menjelang Jun 2010; memasang 500 kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan hot spot untuk menghindari jenayah, membolehkan tindak balas pantas oleh polis dan menjadikan lebih mudah untuk mengenal pasti pesalah; menubuhkan mahkamah khas bagi pendakwaan cepat terhadap jenayah jalanan, menubuhkan Program Bandar Selamat (SCP) yang akan menggabungkan agensi yang berkaitan untuk menangani masalah tempatan dengan inisiatif yang disesuaikan menurut keperluan tempatan (misalnya, menggunakan tiang kecil (bollard) untuk mengasingkan pejalan kaki daripada pemandu kenderaan); dan memperbaiki program pemulihan dalam penjara dan memperkenalkan program penempatan semula selepas pembebasan dari penjara untuk mengurangkan pesalah berulang (misalnya, mengasingkan pesalah buat pertama kali daripada banduan tegar atau berulang).

(2) Mempertingkatkan persepsi awam tentang keselamatan, khususnya menerusi kesukarelawanan

Meningkatkan rasa selamat rakyat, menggalakkan sukarelawan dan berkomunikasi dengan rakyat mengenai jenayah merupakan tiga bahagian strategi kami bagi mengurangkan perasaan takut menjadi mangsa jenayah dan mempertingkatkan persepsi awam tentang keselamatan. Bagi mengukur dan memantau persepsi awam tentang keselamatan, kami akan melancarkan satu kaji selidik bebas; sebaik sahaja tahap semasa dapat ditentukan, sasaran akan ditetapkan bagi tiga tahun akan datang untuk memperbaiki persepsi awam tentang keselamatan secara berterusan.



³ Kuala Lumpur, Johor, Selangor and Penang

Beberapa inisiatif bagi meningkatkan rasa selamat rakyat termasuk: menugaskan pegawai-pegawai kanan polis (berpangkat inspektor dan ke atas) untuk membuat rondaan bersama pegawai polis yang bertugas, untuk 3-5 jam seminggu. Kehadiran mereka akan dapat membantu meyakinkan rakyat dan memberi semangat kepada pegawai polis yang bertugas. Mengarahkan pegawai polis berhenti dan berbual bersama orang awam selama 10- 15 minit bagi setiap jam ketika rondaan biasa akan memberi peluang kepada orang awam mengutarakan kebimbangan mereka di samping dapat berkenalan dengan pegawai tempatan mereka.

Bagi menggalakkan kesukarelawan, inisiatif termasuk mengembangkan Skim Rondaan Sukarela (SRS), di mana penduduk tempatan membuat rondaan di kejiranannya sendiri, dan mengembangkan Rakan Cop, sebuah skim sedia ada di mana orang ramai mendaftarkan diri melalui sistem pesanan ringkas (SMS) untuk bertindak sebagai mata dan telinga polis. Mereka boleh kemudiannya memaklumkan kepada polis mengenai kejadian jenayah atau seseorang yang bersikap mencurigakan melalui SMS.

Akhir sekali, komunikasi yang lebih tentang pencegahan jenayah dan penguatkuasaan jenayah menerusi pelbagai saluran media akan membantu orang ramai mengurangkan perasaan takut terhadap jenayah, melibatkan diri secara langsung bersama PDRM dan mengurangkan kecenderungan mereka untuk menjadi mangsa perbuatan jenayah.

(3) Mempertingkatkan prestasi ke seluruh sistem keadilan jenayah bagi membina keyakinan awam dan memperkuatkan kebanggaan profesional di seluruh sistem

Untuk memastikan pesalah jenayah kekerasan didakwa dan dihukum dengan sewajarnya, kami akan menyelesaikan 6,000 kes jenayah kekerasan yang tertunggak, yang mana kes sedemikian sedang meningkat pada kadar hampir 1,000 kes setahun. Sasaran kami adalah untuk menghadapkan tambahan 2,000 pesalah jenayah kekerasan ke mahkamah pada 2010 berbanding bilangan pesalah yang dihadapkan ke mahkamah pada 2009. Selain itu, kami akan mempertingkatkan kepuasan pihak awam terhadap polis. Satu tinjauan bebas akan dijalankan untuk mengukur tahap kepuasan semasa dengan pihak polis, dan sebaik sahaja satu garis dasar dapat ditentukan, kami akan menetapkan sasaran untuk mempertingkatkan kepuasan setiap tahun sehingga 2012.

Beberapa inisiatif untuk membantu mengurangkan tunggakan termasuk meningkatkan bilangan dan kecekapan Pegawai-pegawai Penyiasat (IO), misalnya, membawa kembali IO pesara yang berprestasi tinggi, menubuhkan pasukan petugas khas atau pasukan khas terdiri dari para hakim dan majistret yang berprestasi tinggi dihantar ke daerah-daerah yang mempunyai banyak kes jenayah kekerasan yang belum diselesaikan, dan mempercepatkan rang undang-undang pindaan Kanun Tatacara Jenayah (CPC), termasuk rang undang-undang untuk melaksanakan rundingan akuan bersalah (plea bargaining) dan pengemukaan kenyataan saksi, kerana ini akan mempercepatkan proses pendakwaan secara menyeluruh.

Bagi mempertingkatkan kepuasan awam dengan pihak polis, inisiatif termasuk mempercepatkan masa tindak balas bagi panggilan 999 dengan mula menggunakan sistem penjejak pemanggil dan melaksanakan tindak balas pertama dengan menggunakan motosikal; memberikan triage dan khidmat kaunseling di balai polis dan menerbitkan jadual liga prestasi balai polis berbanding kadar indeks jenayah yang menyeluruh dan perubahan dalam kadar jenayah.

Balai yang mencapai prestasi tertinggi akan diberi ganjaran manakala balai yang mencapai prestasi terendah akan diberi sokongan dan dipantau sehingga prestasi mereka meningkat.

Satu set inisiatif yang lengkap dan lebih terperinci bagi semua inisiatif untuk menyokong pencapaian KPI Jenayah terdapat dalam Bab 6.

Perkembangan awal tentang pencapaian pengurangan jenayah

Inisiatif jenayah jalanan yang dilancarkan pada awal Ogos 2009 telahpun mencapai sedikit sebanyak kejayaan. Sebagai contoh, bagi meningkatkan kehadiran polis di mana-mana di 50 hot spot jenayah, 1,100 ahli Pasukan Gerakan Am (PGA) telah ditempatkan di Kuala Lumpur dan Selangor, kira-kira 700 kakitangan RELA/JPAM telah dilatih dan ditempatkan, dan 24 Balai Polis Bergerak telah ditugaskan di lokasi-lokasi ini setiap hari. Kami telah memasang 23 CCTV, dan telah menghubungkan 59 CCTV sedia ada di Kuala Lumpur kepada PDRM.

Memanteras rasuah

Persepsi mengenai terjadinya amalan rasuah telah meningkat sejak tahun-tahun kebelakangan ini. Kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) di bawah Transparency International (TI) telah menurun daripada tempat 23 pada tahun 1995 kepada 56 pada tahun 2009.

Kos kepada negara akibat rasuah adalah signifikan. Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) menganggarkan bahawa rasuah boleh menyebabkan kos sebanyak RM10 bilion setahun, atau 1-2% daripada KDNK. Dalam membanteras rasuah, kami akan mulakan dengan memberi fokus kepada tiga bidang yang amat terdedah kepada rasuah – badan pengawalseliaan dan penguatkuasaan, perolehan kerajaan dan rasuah besar (termasuk rasuah politik). Selain itu, kami akan menerima-pakai KPI yang berdasarkan kepada keberhasilan dan ditanda aras di peringkat antarabangsa.

Sasaran kami adalah untuk meningkatkan skor CPI daripada 4.5 kepada 4.9 menjelang 2010. Kami juga mahu meningkatkan peratusan responden yang menjawab ‘berkesan’ kepada Kajian Global Corruption Barometer TI terhadap tindakan kerajaan dalam membanteras rasuah daripada 28% kepada 37%.

(1) Meraih semula keyakinan terhadap agensi pengawalseliaan dan penguatkuasaan

Kami menyasarkan untuk meraih semula keyakinan orang ramai terhadap agensi pengawalseliaan dan penguatkuasaan: PDRM, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Imigresen Malaysia (Imigresen) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Ini adalah agensi-agensi di bawah Kerajaan Persekutuan yang mempunyai jumlah kes pertuduhan terbanyak oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada tahun 2005 dan 2009 dan mendapat skor terendah dalam persepsi integriti di kalangan komuniti perniagaan dan awam.

Sasaran kami bagi tahun 2010 adalah untuk meningkatkan bilangan kes didakwa berbanding bilangan ditangkap, bagi pengedaran dan pemilikan dadah kepada 80% (daripada peratusan semasa 75%), bilangan saman dibayar berbanding bilangan saman dikeluarkan oleh PDRM kepada 61% (daripada 50%) dan oleh JPJ kepada 78% (daripada 60%). Selain itu, kami menyasarkan untuk meningkatkan bilangan kes didakwa berbanding bilangan ditangkap dan ditahan di bawah Akta Imigresen

kepada 60% (daripada 53%), dan cukai diperoleh semula daripada barang yang diisyithar di bawah harga sebenar kepada RM 21 juta (daripada RM 9 juta).

Untuk mencapai sasaran ini, kami akan memperkuuh dan memperkasakan unit-unit pematuhan dalam setiap agensi penguatkuasaan. Ini termasuklah mengagihkan sumber yang secukupnya kepada unit yang didedikasikan dengan kuasa untuk mengambil tindakan. Unit pematuhan ini akan melaporkan terus kepada ketua agensi penguatkuasaan, dengan satu Suruhanjaya Bebas mengawasi pengurusan dan pengendaliannya. Rangka kerja yang menyokong, termasuk untuk melindungi pelapor, menilai integriti staf dan mengurus ganjaran dan konsekuensi akan juga diwujudkan untuk meningkatkan lagi keberkesanan unit pematuhan.

Selain itu, kami juga akan melaksanakan inisiatif-inisiatif lain yang direka bentuk untuk mengurangkan peluang berlakunya amalan rasuah di kalangan agensi penguatkuasaan. Ini termasuk menginstitusikan penggiliran kerja (job rotation) untuk menghalang pegawai penguatkuasa daripada membentuk hubungan kerjasama dengan organisasi jenayah. Dengan memberi keutamaan untuk memperbaiki prestasi pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam usaha membanteras rasuah, kami juga akan mengadakan satu carta liga prestasi bagi semua PBT.

(2) Mengurangkan ketirisan dana dalam perolehan kerajaan

Kami akan mengurangkan ketirisan dana yang diperuntukkan untuk pembangunan nasional dan perbelanjaan operasi selain memastikan ketelusan dalam penganugerahan kontrak. Sararan kami adalah, menjelang tahun 2010, untuk mengurangkan bilangan penemuan audit terhadap salah urus perolehan setiap kementerian kepada 10.6 daripada jumlah 11.2. Inisiatif-inisiatif untuk mencapai matlamat ini termasuk :

- Menyasarkan untuk mengurangkan secara berperingkat amalan surat sokongan, yang kerap digunakan untuk mempengaruhi kakitangan kerajaan untuk memintasi dasar dan tatacara standard kerajaan dalam mendapatkan kontrak. Matlamat kami adalah untuk menghapuskan amalan ini sama sekali.
- Mendedahkan secara terperinci semua kontrak perolehan kerajaan dalam laman web kementerian dan agensi serta dalam portal e-kerajaan. Ketua Setiausaha atau Ketua Pengarah setiap kementerian akan dipertanggungjawabkan untuk memastikan maklumat perolehan yang terkini dari kementerian/jabatan mereka didedahkan. Maklumat terperinci termasuklah senarai projek perolehan yang dirancang, nama-nama kontraktor yang berjaya, harga kontrak dan tempoh projek.

(3) Menangani rasuah besar

Kami perlu menghalang penyalahgunaan kuasa dan sumber awam oleh ahli politik dan kakitangan kanan kerajaan. Kejayaan kami akan diukur dengan menggunakan kaji selidik awam yang bebas terhadap persepsi mengenai tahap rasuah besar. Selain itu, kami menasarkan untuk meningkatkan, menjelang 2010, peratusan perbicaraan yang diselesaikan dalam satu tahun kepada 30% daripada 8.5% dan menyenaraikan 84 individu dalam pangkalan data pesalah. Inisiatif-inisiatif kami termasuklah:

- Menguatkuasakan undang-undang politik sedia ada dan menjalankan satu kajian ke atas pembaharuan dana politik dalam lingkungan Perlembagaan. Kajian itu akan menilai kebolehlaksanaan memperkenalkan pendekatan holistik terhadap

pembentukan yang merangkumi sebuah proses pendedahan yang ditambahbaik, had maksima bagi derma swasta dan pembentukan awam tambahan.

- Mengumumkan dasar toleransi sifar dan rangka kerja perlindungan pemberi maklumat (whistleblower)
- Memperkuat kebebasan institusi utama termasuk Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman, dalam lingkungan Perlembagaan.
- Berusaha untuk menyelesaikan pendakwaan kes rasuah dalam tempoh satu tahun, terutamanya kes yang membabitkan kepentingan awam.
- Menguatkuasakan hukuman yang lebih keras terhadap mereka yang disabit kesalahan rasuah. Ini termasuklah penetapan hukuman minimum dan hukuman yang lebih berat ke atas pegawai perkhidmatan awam yang disabit kesalahan
- Membangunkan satu pangkalan data awam yang mengandungi pesalah yang telah disabitkan. Data ini bertindak sebagai pencegah (deterrent) dan mempermudah keputusan pengambilan kerja



Tahap pencapaian utama

Pada tahun 2010, rakyat boleh menjangka untuk melihat pendedahan kontrak perolehan kerajaan dalam portal e-kerajaan, penggubalan undang-undang perlindungan pemberi maklumat dan satu akta untuk mendakwa kes-kes rasuah dalam tempoh satu tahun. Tahap pencapaian ini (bersamaan dengan inisiatif mereka) diuraikan dengan lanjut dalam Bab 7.

Kemajuan awal yang tercapai dalam membanteras rasuah

Walaupun masih di peringkat awal, Kerajaan dan institusi lain telahpun mengambil langkah untuk meneguhkan usaha pembaharuan mereka dalam membanteras rasuah. Contoh termasuk pendakwaan terhadap wakil-wakil rakyat (meliputi semua parti politik) dan pegawai tinggi perkhidmatan awam atas penyalahgunaan dana awam serta penubuhan pasukan khas perkhidmatan awam bagi memeriksa penyalahan urusan kewangan sebagaimana yang dilaporkan oleh Ketua Audit

Negara. Selain itu, SPRM telah menyiapkan satu kajian untuk menyekat ruang dan peluang bagi penyalahgunaan dana kawasan dewan undangan negeri dan parlimen oleh Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Parlimen. Pada masa ini, SPRM sedang menyampaikan taklimat kepada wakil rakyat tentang cara menguruskan peruntukan mereka dan tatacara yang betul untuk mengelakkan penyalahgunaan kuasa dan salah guna dana.

Mempertingkatkan pencapaian pelajar

Malaysia telah mencapai kejayaan cemerlang dalam sistem pendidikannya dalam tempoh 50 tahun yang lalu termasuk pencapaian kadar literasi dewasa sebanyak 92%, kadar penyertaan peringkat rendah yang universal, serta kadar pertumbuhan penyertaan peringkat menengah antara yang tertinggi berbanding dengan negara-negara membangun yang lain. Walau bagaimanapun, kita tidak harus berpuas hati dengan pencapaian ini. Keberhasilan pendidikan Malaysia kini telah ketinggalan berbanding negara-negara seperti Singapura, Hong Kong dan Korea. Yang membimbangkan, jurang perbezaan keberhasilan di antara pelajar di Malaysia juga terus meluas, misalnya, 20% daripada pelajar-pelajar Malaysia gagal mencapai tahap minimum TIMSS dalam Matematik dan Sains pada 2007, berbanding hanya 5-7% pada 2003.

Memperbaiki keberhasilan pendidikan adalah penting untuk membina satu tenaga kerja yang berdaya saing, dan kami, di peringkat awalan akan memberi tumpuan kepada bidang-bidang berikut:

(1) Meningkatkan kadar pendaftaran Prasekolah untuk kanak-kanak 4+ dan 5+ tahun, dan mempertingkatkan kualiti sistem

Bagi mencapai sasaran kadar penyertaan 72% dan 87% masing-masing pada hujung 2010 dan 2012 (dari kadar sekarang 67%), kami telah mengenal pasti tujuh teras bagi memperkasa tadbir urus dan pelaksanaan pendidikan prasekolah yang berkualiti, iaitu:

- Penubuhan Jawatankuasa Penyelaras Prasekolah Kebangsaan serta Bahagian Pendidikan Awal Kanak-kanak dan Prasekolah dalam Kementerian Pelajaran (MOE) untuk mentadbir semua penyedia prasekolah
- Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) bermula Januari 2010, yang dibangunkan dengan kerjasama agensi swasta.
- Menyeragamkan bantuan kepada murid prasekolah kerajaan. Ini termasuk penyeragaman pemberian geran per kapita.
- Meningkatkan kualiti guru dan pembantu guru prasekolah, lebih kurang 30,000 guru dan pembantu guru prasekolah sedia ada dan baru dalam tempoh tiga tahun.
- Menambah bilangan kelas prasekolah, khususnya bagi kanak-kanak berumur 4+ tahun, dianggarkan kira-kira 10,000 kelas tambahan.
- Meningkatkan Perkongsian Pintar Kerajaan-Swasta dalam pendidikan prasekolah bagi mencapai kelas tambahan yang diperlukan di samping mematuhi standard kebangsaan.
- Mewujudkan Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan bagi menyelaras dan mengumpul maklumat berkaitan prasekolah termasuk maklumat asas pelajar, personel dan lokasi sekolah serta pencapaian prasekolah tersebut.

(2) Memastikan semua kanak-kanak⁴ berupaya menguasai kemahiran asas literasi dan numerasi selepas tiga tahun pendidikan

Satu Program Literasi dan Numerasi (LINUS) yang baru telah direka untuk memastikan menjelang tahun 2012, semua kanak-kanak mempunyai literasi asas (dalam Bahasa Malaysia) dan kemahiran numerasi selepas tiga tahun pendidikan sekolah rendah. Program ini mengandungi enam strategi yang memberi fokus kepada semua usaha utama literasi dan numerasi.

- Saringan pelajar dilakukan tiga kali setahun pada bulan Mac, Jun dan September setiap tahun, bagi mengenalpasti pelajar sama ada perlu mengikuti program LINUS atau program Pendidikan Khas jika mempunyai ketidakupayaan dalam pembelajaran
- Modul literasi dan numerasi yang baru dibentuk di mana konsep mudah difahami akan diajar lebih awal lagi dan lebih penekanan akan ditumpukan kepada aplikasi konsep yang dipelajari
- Latihan hampir 17,000 guru-guru untuk mengajar modul baru LINUS dengan berkesan, selesai antara November 2009 dan Februari 2010
- Komitmen dibina dikalangan pihak yang berkepentingan melalui program kesedaran dan aktiviti yang dianjurkan untuk jabatan pendidikan di peringkat negeri dan daerah, guru besar, Persatuan Ibubapa dan Guru dan orang awam.
- Pemantauan dan penyeliaan intensif ke atas kira-kira 10% sekolah yang tercorot oleh pegawai-pegawai pendidikan di peringkat negeri dan daerah, dan oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti di bawah MOE
- Fasilitator-fasilitator pakar dilantik di peringkat daerah, ditempatkan di Jabatan Pendidikan Daerah, bagi membantu guru-guru literasi dan numerasi di sekolah-sekolah



⁴ Kanak-kanak dengan ketidakupayaan pembelajaran akan diletakkan dalam program pendidikan khas dengan sasaran yang berbeza

(3) Membangunkan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) dan mempertingkatkan prestasi semua sekolah dalam sistem

Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) ditakrifkan sebagai sekolah yang mempunyai etos, watak, identiti tersendiri dan unik serta menyerlah dalam semua aspek pendidikan. Sebelum dianugerah taraf SBT, sekolah tersebut perlu memenuhi beberapa kriteria mantap termasuk pencapaian akademiknya, sokongan alumni, pengiktirafan dan mewujudkan rangkaian dan jaringan pada peringkat antarabangsa. Kami menyasarkan untuk membangunkan 20 SBT menjelang tahun 2010 dan 100 SBT menjelang 2012.

SBT akan dianugerahi manfaat berikut bertujuan untuk membolehkan mereka mencapai tahap prestasi yang lebih tinggi:

- Mengupayakan autonomi dalam membuat keputusan: SBT akan diberikan kelonggaran dalam memilih kurikulum dan kaedah pengajaran termasuk proses pemilihan serta penempatan semula guru sekiranya prestasi guru tidak memuaskan dan pengagihan dana
- Insentif kewangan bagi sekolah, pemimpin sekolah, guru dan kakitangan bukan akademik
- Pelbagai opsyen untuk pembangunan modal insan, termasuk cuti sabatikal untuk guru besar
- Kelonggaran bagi pelajar cemerlang memacu kejayaan dalam sistem pendidikan

Bagaimanapun, status SBT diiringi dengan tanggungjawab untuk berkongsi pengetahuan dan kepakaran dengan sekolah lain dalam sistem menerusi, sebagai contoh, rangkaian penasihat, pertindikan guru dan program pertukaran pelajar.

(4) Mempertingkatkan dengan ketara prestasi guru besar dan pengetua melalui pengurusan prestasi

Mulai tahun akademik 2010, pendekatan pengurusan prestasi baru bagi guru besar dan pengetua akan mempunyai ciri-ciri berikut:

- Boleh diaplikasikan kepada semua guru besar dan pengetua semua sekolah kerajaan di Malaysia.
- Prestasi sekolah akan berdasarkan kepada skor komposit yang mengandungi 70% Gred Purata Sekolah dan 30% skor Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM)
- Pencapaian kesemua 9,900 sekolah akan disenarai mengikut kedudukan dan diumumkan pada setiap tahun mulai tahun 2010.
- Untuk melayakkan diri bagi anugerah, sekolah harus mencapai sasaran skor komposit yang telah ditetapkan atau sasaran penambahbaikan dalam kedudukan prestasi, memperoleh laporan audit tanpa teguran dan mencapai sasaran literasi dan numerasi (untuk sekolah rendah). Selain itu, guru besar dan pengetua mestilah memperolehi skor Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) lebih dari 90 dan bebas dari tindakan disiplin.
- Guru besar dan Pengetua yang mengatasi sasaran akan diberi ganjaran kewangan dan bukan kewangan (misalnya, program pertindikan, kenaikan pangkat yang dipercepatkan dan sijil pengiktirafan)
- Guru-guru di sekolah yang mempunyai guru besar atau pengetua yang layak menerima ganjaran juga berkelayakan untuk menerima ganjaran kewangan.

Kira-kira 10% yang berprestasi tercorot akan dikenal pasti berdasarkan kepada skor komposit yang terendah. Mereka akan diberi latihan dan bimbingan dalam usaha untuk membantu mereka mempertingkatkan tahap prestasi mereka. Jika usaha-usaha ini tidak efektif, maka tindakan seperti pemindahan dan persaraan pilihan akan diambil.

Maklumat selanjutnya berkaitan dengan inisiatif-inisiatif untuk membantu pencapaian KPI terkandung dalam Bab 8.

Kemajuan awal yang tercapai tentang mempertingkatkan pencapaian pelajar

Bagi memastikan program-program dalam NKRA dapat dilaksanakan mulai tahun 2010, beberapa perancangan awal telah pun dilaksanakan. Pencapaian termasuklah siapnya instrumen saringan dan modul pengajaran dan pembelajaran Tahun 1 program LINUS, pengumuman kumpulan pertama 20 SBT dan siapnya penyenaraian kedudukan bagi 9,900 sekolah kerajaan dalam sistem ini, yang mana digunakan sebagai asas untuk mencipta ganjaran dan program pemulihian di bawah bidang tawaran baru guru besar. Akhirnya inisiatif untuk sekolah amanah sedang dalam perancangan di mana sekolah amanah pertama dijangka dibuka pada Januari 2011.

Mempertingkatkan taraf kehidupan isirumah berpendapatan rendah

Walaupun Malaysia telah mencapai kejayaan dalam jangka masa panjang dalam usaha mengurangkan kemiskinan, masih lagi terdapat lebih 200,000 isirumah dikategorikan sebagai miskin⁵ dan lebih daripada 40,000 isirumah dikategorikan sebagai miskin tegar⁶. Kami telah menetapkan tumpuan untuk membasmi miskin tegar pada hujung 2010 dan mengurangkan insiden kemiskinan kepada 2.8% pada tahun 2010 (daripada 3.6% hari ini). Selain itu, kami akan melaksanakan beberapa langkah untuk mempertingkatkan produktiviti isirumah berpendapatan rendah (LIH) yang tidak termasuk dalam kategori miskin atau miskin tegar. Bagi mencapai tujuan ini, kami akan:

(1) Menyeragamkan takrifan kumpulan berpendapatan rendah

Satu takrifan am mengenai kemiskinan akan digunakan oleh semua kementerian dan agensi untuk mempercepatkan kerjasama dalam mengenal pasti dan membantu kumpulan sasaran kemiskinan.

- **Isirumah berpendapatan rendah (LIH)** – isirumah yang mempunyai jumlah pendapatan kurang daripada atau bersamaan dengan RM2,000 setiap bulan
- **Miskin** – isirumah yang mempunyai jumlah pendapatan kurang daripada atau bersamaan dengan RM750 sebulan. Ini berdasarkan kepada Pendapatan Garis Kemiskinan (PLI)⁷
- **Miskin Tegar** – isirumah yang jumlah pendapatan kurang daripada atau bersamaan dengan RM440 sebulan. Ini berdasarkan kepada PLI Makanan

⁵ Pendapatan bulanan kasar isirumah di bawah garis pendapatan miskin (RM750)

⁶ Pendapatan bulanan kasar isirumah di bawah garis pendapatan miskin makanan (RM 440)

⁷ PLI ini berdasarkan kepada keperluan minimum untuk makanan oleh seisi rumah (bahagian PLI makanan) dan barang bukan makanan seperti pakaian, sewa, bahan api dan elektrik (bahagian PLI bukan makanan)



(2) Melaksanakan beberapa inisiatif berimpak tinggi dengan segera dan membuat persediaan bagi tindakan jangka panjang

Kami akan memperkenalkan inisiatif bagi memperbaiki kebijakan serta membina potensi pendapatan bagi memastikan kemampunan.

Untuk mengurangkan kemiskinan dan menghapuskan miskin tegar menjelang 2010, Kerajaan akan dengan segera:

- Mengagihkan bantuan kebijakan peringkat Persekutuan (kepada mereka yang layak) pada hari pertama setiap bulan. Ini sudahpun berkuatkuasa pada September 2009 untuk Semenanjung Malaysia dan 1 Januari 2010 bagi Malaysia Timur.
- Memberikan bantuan untuk meningkatkan hak milik rumah dengan menawarkan 44,000 rumah kos rendah, untuk dijual dan disewa, melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Perumahan Negara (JPN)
- Menyampaikan program 1 Azam – melibatkan penyesuaian pekerjaan, pemberian latihan dan pemberian dana – bagi mencipta peluang pekerjaan. Ini akan tercapai melalui gabungan pekerjaan dan keusahawanan (sokongan dalam menyediakan barang, perkhidmatan dan perniagaan berdasarkan pertanian)

Menjelang hujung tahun 2011, satu lagi rangkaian inisiatif akan dilaksanakan, termasuk:

- Menyediakan latihan bagi membolehkan isirumah yang berpendapatan rendah meningkatkan nilai ekonomi mereka.
- Mengadakan peluang pekerjaan melalui penubuhan kedai runcit Jimat 1Malaysia. Kami menasarkan untuk menubuhkan 50 kedai sedemikian pada 2010 dan satu kedai dalam setiap daerah pada 2011
- Membangunkan satu mekanisma untuk memberi kredit mikro kepada isirumah berpendapatan rendah yang layak. Sekurang-kurangnya satu projek perintis akan diperkenalkan bagi setiap negeri pada suku pertama 2011

- Meningkatkan bilangan klinik perubatan di bandar, luar bandar dan juga klinik perubatan bergerak (sekurang-kurangnya satu bagi setiap negeri) bagi memenuhi keperluan isirumah pendapatan rendah di luar bandar
- Memperluaskan bantuan kewangan kepada rakyat isirumah berpendapatan rendah bagi membeli anggota badan tiruan dan prostetik. Kami juga akan meningkatkan ketersediaan prostetik dengan membina sekurang-kurangnya satu pusat prostetik di setiap negeri.

Akhir sekali, beberapa inisiatif jangka masa pertengahan akan dilaksanakan menjelang penghujung 2012, termasuk:

- Menambah kapasiti asrama bersubsidi bagi membantu pelajar yang memerlukan penginapan (misalnya, mereka daripada kawasan luar bandar) bagi meneruskan pelajaran mereka, mengurangkan bilangan keciciran atas sebab jarak jauh dari sekolah dan masalah kewangan.
- Memperluaskan bantuan kepada pesakit yang memerlukan rawatan dialisis. Ini melibatkan menyediakan bantuan kewangan, menubuhkan lebih banyak pusat dialisis dan menyediakan kenderaan ke/dari pusat dialisis
- Menawarkan bantuan kewangan bagi bayaran muka perumahan dan yuran guaman dan pinjaman dengan kadar faedah yang rendah untuk isirumah berpendapatan rendah, yang bukan penerima atau pembeli rumah kos rendah yang disediakan oleh kerajaan
- Menawarkan skim insuran *1Malaysia*, meliputi perkara seperti pendidikan, kematian dan penyakit kritis, kepada isirumah miskin tegar

Kami sedang mengkaji kemungkinan menetapkan gaji minimum bagi membolehkan semua rakyat Malaysia mendapat gaji sekurang-kurangnya di tahap PLI. Sebarang tindakan terhadap perkara ini akan dilaksanakan secara beransur-ansur, supaya tidak memberi kejutan kepada majikan.

Satu set inisiatif yang lengkap dan lebih terperinci mengenai semua inisiatif bagi menyokong pencapaian KPI terkandung dalam Bab 9.

(3) Meletakkan penggerak bagi memastikan penyampaian inisiatif

Bagi membolehkan inisiatif di atas dapat disampaikan dengan lebih cekap dan berkesan, kami akan melaksanakan perubahan struktur, termasuk membentuk satu entiti Perkhidmatan Pembangunan Sosial (SDS) yang bersepadan bagi memperbaiki penyelarasian inisiatif pembasmian kemiskinan, menubuhkan Inspektorat SDS yang bebas untuk menyiasat dan mendakwa penipuan kebajikan, mengumpul semua pangkalan data yang mengandungi data LIH ke dalam e-Kasih dan mengurangkan masa memproses untuk pembayaran bantuan (dari tempoh dua bulan yang diamalkan sekarang kepada tujuh hari menjelang 2012).

Kemajuan awal yang tercapai dalam mempertingkatkan taraf kehidupan isirumah berpendapatan rendah

Impak awal sudahpun dapat dilihat. Melalui lebih penyelarasian antara agensi, proses meluluskan permohonan untuk disenaraikan dalam pangkalan data isirumah berpendapatan rendah sekarang ini memakan masa tujuh hari, berbanding dengan dua bulan sebelum ini.

Selain itu, sejak 1 September 2009, bantuan kebajikan di Semenanjung Malaysia diagihkan pada hari pertama setiap bulan. Juga, kira-kira 44,000 rumah kos rendah

telah ditawarkan untuk dijual kepada penyewa sedia ada pada harga RM21,500 – 35,000 setiap unit, harga yang jauh lebih rendah berbanding harga pasaran.

Mempertingkatkan infrastruktur asas luar bandar

Walaupun Malaysia sudah mencapai kejayaan besar dalam penyediaan infrastruktur asas luar bandar (RBI), masih banyak lagi perlu dilakukan untuk membantu penduduk luar bandar yang mewakili 35% penduduk Malaysia. Di Malaysia Timur, terdapat banyak kampung yang masih belum dihubungkan dengan jalan raya dan lebih dari satu perempat isirumah tidak ada akses kepada elektrik. Lebih 40% isirumah di Malaysia Timur dan 12% isirumah di Semenanjung Malaysia masih kekurangan akses kepada air bersih dan air yang dirawat.

Oleh yang demikian, kami telah memulakan satu program besar pembangunan infrastruktur asas luar bandar di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Aspirasi kami adalah untuk:

- Membina lebih daripada 7,000 km jalan baru dan dinaik taraf menjelang 2012, 1,900 km daripadanya adalah di Sabah dan Sarawak. Di Semenanjung Malaysia, ini akan menjadikan 91.4% daripada penduduk tinggal dalam lingkungan lima km dari jalan yang diturap pada 2010, meningkat kepada hampir 100% pada 2012 (sekarang ini 91%)
- Menyediakan 50,000 rumah baru dan dibaik pulih untuk penduduk miskin dan miskin tegar luar bandar menjelang 2012, dua pertiga daripadanya di Sabah dan Sarawak. Daripada 50,000 itu, lebih 16,000 rumah akan disediakan pada tahun 2010.
- Memastikan akses kepada air bersih atau air yang dirawat kepada lebih 360,000 isirumah tambahan. Untuk Sabah dan Sarawak, program ini akan meningkatkan peratusan rumah luar bandar yang mendapat akses kepada air bersih atau air yang dirawat masing-masing kepada 59% dan 62% pada 2010, meningkat kepada 90% untuk kedua-dua negeri pada 2012 (sekarang 57% untuk kedua-dua negeri).



- Menyediakan akses kepada bekalan elektrik 24 jam untuk lebih 140,000 isi rumah tambahan pada 2012. Ini akan meningkatkan peratusan isi rumah yang mendapat akses kepada tenaga elektrik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak masing-masing kepada 99.6%, 81% dan 73% pada 2010 (sekarang masing-masing 99%, 77% dan 67%).

Untuk mencapai sasaran ini, kami perlu mempercepatkan rentak penempatan bagi perkhidmatan asas ini melebihi apa yang telah dicapai sebelum ini. Sebagai contoh, untuk jangka tiga tahun akan datang, kami menasarkan untuk membina 11 kali ganda panjangnya kilometer jalan raya, 2.5 kali ganda banyaknya rumah, menyediakan lima kali ganda banyaknya rumah yang ada tenaga elektrik, dan menghubungkan tujuh kali ganda rumah kepada air bersih berbanding apa yang kami telah capai pada tahun 2006-2008. Kami akan dapat mencapai lebih besar, lebih skala dan lebih rentak penempatan:

- Menggunakan kaedah penyampaian yang inovatif, cepat dan kos terendah. Misalnya, membina rumah yang direka bentuk standard, menggalakkan teknologi penjanaan kuasa teragih seperti janakuasa hibrid solar atau elektrik mikro hidro bagi kawasan yang jauh dari penjana tenaga elektrik dan infrastruktur pembawa tenaga elektrik, dan menggunakan penyelesaian alternatif seperti telaga tiub, telaga graviti atau pemulihan air hujan untuk kawasan-kawasan yang jauh dari rangkaian bekalan air (bekalan air paip)
- Memperbaiki proses administrasi sedia ada bagi mengurangkan masa yang diperlukan, misalnya, proses tender terbuka untuk jalan raya. Ini akan melibatkan penggunaan lebih banyak templat standard, proses serentak di mana boleh, mempercepatkan proses komunikasi, dan sebagainya.
- Mempermudah dan bekerja rapat dengan pembekal untuk memastikan bekalan dan kesediaan jentera yang mencukupi (misalnya, jentera pengorek, jentera pemandat), bahan (misalnya, pendawaian elektrik, pra campuran) serta sumber manusia (misalnya, kontraktor, pakar runding) apabila diperlukan
- Memastikan pengurusan program yang efektif dengan memantau projek dengan rapi. Sistem Pemantauan Projek (SPP) II, satu sistem yang terbukti keberkesanannya yang diuruskan oleh ICU di bawah Jabatan Perdana Menteri, akan diguna untuk merekod dan menjelaki inisiatif RBI untuk memastikan ianya disampaikan tepat pada masanya dan mengikut bajet.

Beberapa siri inisiatif terperinci telah dibentuk untuk menyokong pencapaian KPI (Bab 10).

Kemajuan awal yang tercapai tentang infrastruktur asas luar bandar

Pada 2009, kami telah membina 17,000 rumah tambahan untuk penduduk miskin dan miskin tegar luar bandar dan 240 km jalan raya tambahan di Malaysia Timur.

Mempertingkatkan pengangkutan awam bandar

Pengangkutan awam menjadi salah satu daripada masalah utama rakyat di bandar. Misalnya, di Lembah Klang masa ini, terdapat kesesakan semasa waktu puncak (misalnya, penumpang keretapi Komuter KTM mengalami kesusahan lebih 40% kapasiti), sering kali perkhidmatan tidak boleh dipercayai dengan kelewatan dan pembatalan, kesalinghubungan yang kurang baik di sesetengah kawasan (misalnya, antara monorel dan stesen LRT di KL Sentral), dan kurangnya akses bagi perkhidmatan pengangkutan awam (misalnya, hanya 61% dari penduduk Lembah Klang tinggal dalam lingkungan 400 meter dari laluan bas).

Perkara ini, digabungkan pula dengan pertumbuhan berterusan dalam bilangan kenderaan persendirian, telah menyebabkan penggunaan pengangkutan awam⁸ di Lembah Klang kian menurun daripada 34% pada 1985 kepada 20% pada 1997; hari ini, peratusan ini lebih hampir kepada 10 – 12%.

Matlamat kami adalah untuk:

- Meningkatkan peratusan yang menggunakan pengangkutan awam kepada 13% menjelang 2010 dan kepada 25% menjelang 2012 semasa waktu puncak dari 7 pagi hingga 9 pagi di Lembah Klang. Kami akan seterusnya menyesuaikan dan mengaplikasikan inisiatif yang berkesan di Pulau Pinang dan Johor Bahru.
- Memperbaiki masa perjalanan dan kebolehpercayaan
- Mempertingkat keselesaan dan kemudahan
- Mempertingkat kebolehcapaian dan kesalinghubungan supaya peratusan penduduk yang tinggal dalam lingkungan 400 meter dari laluan pengangkutan awam meningkat daripada 63% kepada 75% pada 2010.



Untuk mencapai KPI di atas, kami akan mengambil empat langkah antara 2009 dan 2012 dan tambahan satu langkah lagi selepas 2012 bagi mendapatkan dan melanjutkan penambahbaikan yang dijangkakan:

- 1. Menyelaraskan kapasiti sistem yang sudah mencapai hadnya:** Pada tahun 2012, kami akan meningkatkan kapasiti Komuter KTM dan LRT sebanyak 1.7 sehingga 4 kali ganda (bergantung kepada laluan tertentu). Laluan bas yang khusus merentasi 12 koridor utama di Lembah Klang akan diperkenalkan secara berperingkat tertakluk kepada perincian kejuruteraan dan kajian perancangan. Secara keseluruhan, perkhidmatan melalui 12 koridor ini akan dapat menampung 35,000 sehingga 55,000 penumpang semasa waktu puncak pagi atau 6% sehingga 9% jumlah bilangan pengguna pengangkutan awam pada tahun 2012. Sebanyak 850 buah bas akan ditambah, iaitu tambahan hampir sekali ganda jumlah bas yang digunakan oleh RapidKL pada hari ini. Ini dapat meningkatkan

⁸ Peratusan komuter menggunakan pengangkutan awam

perkhidmatan yang disediakan di laluan sedia ada dan memberi perkhidmatan kepada 53 laluan baru yang tidak mendapat perkhidmatan ketika ini.

2. Merangsang permintaan bagi menarik rakyat menggunakan pengangkutan awam:

Inisiatif yang diperkenalkan termasuk integrasi tiket dan struktur tambang (memperkenalkan konsep 1Tiket 1Perjalanan Lancar merentasi semua 16 operator di Lembah Klang), menambah kira-kira 6,800 tempat meletak kereta baru di 14 stesen rel utama, di luar kawasan pusat bandar pada tahun 2012, mempertingkatkan perkhidmatan bas pengantara ke stesen rel dan menaik taraf stesen serta terminal yang mempunyai bilangan trafik yang tinggi. Penguatkuasaan dan pemantauan pula adalah penting bagi memastikan semua operator mematuhi standard operasi dan perkhidmatan minimum. Bagi mencapai tujuan ini, usaha untuk menyediakan sistem IT bersepadu secara menyeluruh dan perlaksanaan penguatkuasaan merentasi semua agensi penguatkuasa utama adalah diperlukan untuk 10 pihak berkuasa tempatan (PBT), Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP), JPJ dan PDRM.

3. Menghalang kenderaan berat dari memasuki Kawasan Perniagaan Pusat (CBD):

Tiga terminal pengangkutan bersepadu (ITT) utama di luar bandar akan diwujudkan dan dimulakan dengan ITT Bandar Tasik Selatan. Ini disusuli pula oleh ITT Gombak pada tahun 2011 (berperanan melengcongkan lebih daripada 780 buah bas dari utara dan timur daripada memasuki pusat bandar) dan ITT ketiga di Sungai Buloh (berperanan mengendalikan bas ekspres daripada utara pada 2012 dan seterusnya). Di pusat bandar pula akan wujud dua jenis pusat pengangkutan awam iaitu Terminal Antara Bandar dan Hentian Akhir Bandar (HAB). Terminal Antara Bandar di Pasarama Kota, Hentian Putra dan Pudu akan memudahkan aliran lalu lintas daripada kawasan pinggir bandar ke pusat bandar. 14 HAB akan disediakan bagi memudahkan pergerakan penumpang dan kenderaan pengangkutan awam di dalam pusat bandar dan seterusnya mengurangkan kesesakan serta menyelaraskan laluan yang bertindih.

4. Penyusunan semula Agensi Kawalselia: Usaha ini adalah penting untuk

memastikan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) beroperasi sepenuhnya pada akhir 2010. Ini kerana satu prasyarat kejayaan adalah mewujudkan satu badan yang bertanggungjawab bagi perancangan dasar dan pemantauan kawalselia. Buat masa ini, 13 Kementerian dan pelbagai agensi terlibat dalam aspek pengurusan pengangkutan awam yang berbeza dan tiada satu badan yang menyelaraskan usaha merentasi pelbagai sistem pengangkutan awam secara keseluruhan.

Dan selepas tahun 2012,...

5. Menguruskan permintaan: Apabila penggunaan pengangkutan awam melebihi

25% dan sistem perkhidmatan pengangkutan awam telah ditambahbaik serta boleh dipercayai, masa perjalanan ditepati, keselesaan dipertingkat, kebolehcapaian dan kesalinghubungan diperbaiki, maka inisiatif meningkatkan daya tarikan relatif pengangkutan awam (iaitu daripada pengguna kenderaan persendirian) akan dipercepat. Satu contoh adalah dengan mengenakan caj kesesakan yang dilaksanakan dengan jayanya di bandaraya besar dunia termasuk London dan Singapura.

Inisiatif-inisiatif yang terperinci telah dibentuk untuk menyokong pencapaian KPI dan semuanya dihuraikan dalam Bab 11.

Kemajuan awal yang tercapai dalam pengangkutan awam bandar

Setakat ini, terdapat kesan awal yang menggalakkan. Misalnya, masa pemindahan laluan bas RapidKL telah dikurangkan melalui laluan yang diseragamkan, masa menunggu⁹ telah dikurangkan dari 20 minit kepada 15 minit untuk Komuter KTM dan, dalam langkah untuk mengurangkan kesesakan, set pertama tren empat koc aliran LRT RapidKL Kelana Jaya telah diterima pada Disember 2009.

Mempertingkatkan kebertanggungjawaban semua Menteri

Bidang yang tidak diliputi oleh NKRA masih lagi penting dan akan terus mendapat perhatian daripada Kerajaan di peringkat menteri. Bidang-bidang ini – MKRA – termasuk keberhasilan yang disasarkan untuk dilihat dan dirasai oleh rakyat (misalnya, tindak balas yang cepat kepada aduan daripada orang awam dan pengurangan kemalangan jalan raya). Sama seperti NKRA, MKRA dan KPI Menteri (MKPI) telah bermula dan akan terus diperhalusi dan diperbaiki dari semasa ke semasa.

Akauntabiliti untuk penyampaian terletak kepada setiap menteri. Perdana Menteri telah membuat komitmen untuk menilai kemajuan semua menteri pada setiap enam bulan bagi memastikan prestasi mereka masih ke arah yang dihasratkan. Penilaian pertama dibuat antara bulan November 2009 dan Januari 2010.

Pada 2010, adalah dijangka bahawa MKPI ini akan disebarluaskan ke seluruh perkhidmatan awam. Ini akan melanjutkan usaha sebelumnya untuk mewujudkan KPI bagi kakitangan awam paling kanan – daripada KSN kepada semua KSU dan Ketua Pengarah.



⁹ Ditakrifkan sebagai masa antara ketibaan satu keretapi dengan ketibaan keretapi selepasnya

Memastikan Pencapaian Diutamakan

Kami telah menjalankan beberapa siri pembaharuan untuk mempertingkatkan kebolehan dalam menyampaikan sasaran jangka masa pendek dan jangka masa panjang, atau *Pencapaian Diutamakan*, satu lagi dimensi daripada GTP.

Pertama, kami komited kepada 16 Prinsip Penyampaian (diperincikan dalam Bab 13) bagi membimbing kaedah baru penyampaian – meliputi empat tema – mendahuluikan rakyat, menggunakan sumber secara berhemat, bekerjasama dengan pihak terbaik (di dalam dan di luar kerajaan) dan menguruskan keberhasilan pada taraf tertinggi. Sebelum pegawai-pegawai kerajaan membuat keputusan atau bertindak, mereka harus memastikan bahawa keputusan atau tindakan berkenaan menuruti 16 Prinsip Penyampaian tersebut. Contoh prinsip-prinsip ini termasuklah menggalakkan penyertaan rakyat dengan mendapatkan input mereka sebelum membuat keputusan, melibatkan rakyat dalam penyampaian dan sering mengukur persepsi, meningkatkan produktiviti sebanyak mungkin daripada sumber sedia ada, sebelum membuat permintaan sumber tambahan, dengan mengurangi ketirisan, mengoptimumkan taraf perkhidmatan serta menggunakan pendekatan inovatif; membina keupayaan campuran (hibrid) bagi penyampaian dengan menarik organisasi dan bakat utama Malaysia dari sektor sosial, awam dan korporat untuk membentuk kebertanggung jawaban jelas dan nyata, disokong oleh penggunaan ganjaran dan konsekuensi berbeza dan bermakna.

Ikutan daripada Prinsip Penyampaian ini, kami telah membentuk mekanisma untuk mengurus penyampaian. Ini termasuklah:

- Laporan Kilat untuk memberi maklumat terkini kepada Kabinet mengenai kemajuan setiap KPI Negara (NKPI) berbanding sasaran
- Membentuk Pasukan Petugas Penyampaian (satu untuk setiap NKRA), dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan dihadiri oleh menteri peneraju, menteri yang relevan dan pegawai tinggi perkhidmatan awam, untuk meluluskan pelan penyampaian, memantau perkembangan dan menghalusi strategi pelaksanaan seperti diperlukan
- Menerbitkan Laporan Tahunan pada suku pertama setiap tahun untuk melaporkan kemajuan kami secara objektif – apa yang telah dicapai dan tidak dicapai – dan mendemonstrasikan akauntabiliti terhadap rakyat.

Bagi mempercepatkan penyampaian, kami telah menubuhkan PEMANDU di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sementara tanggungjawab penyampaian menyeluruh untuk keberhasilan NKRA dan MKRA bergantung kepada menteri yang berkaitan, PEMANDU telah diberi mandat untuk menjadi pemangkin perubahan yang berani dalam penyampaian sektor awam, menyokong kementerian dalam proses perancangan penyampaian dan menyediakan pandangan yang bebas berkaitan dengan prestasi dan kemajuan kepada Perdana Menteri dan menteri-menteri. Untuk membolehkan PEMANDU menjalankan tugasnya dengan lebih efektif, sumber manusianya menggabungkan kebolehan yang terbaik dari sektor swasta dan juga perkhidmatan awam.

Akhirnya, kami telah menguatkan lagi dan meluaskan inisiatif sedia ada untuk melaksanakan transformasi perkhidmatan awam, misalnya, inisiatif PEMUDAH untuk meningkatkan kemudahan menjalankan perniagaan dan berurusan dengan Kerajaan.



Mentransformasikan Malaysia

Kita mesti mentransformasikan kerajaan – fasilitator utama kepada pembangunan – untuk mencapai Wawasan 2020, yang masih menjadi penunjuk arah untuk negara kita. Jika tidak, kita berisiko terperangkap sebagai ekonomi berpendapatan sederhana. Pelan hala tuju ini memperincikan program yang berani dan belum pernah dijalankan untuk mentransformasikan kerajaan berdasarkan kepada prinsip *1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*.

Kita sedang mendekati transformasi kerajaan dengan kaedah baru kerana kita sedar bahawa kita tidak boleh menggunakan kaedah lama dalam menjalankan tugas kita. Ini termasuklah penggunaan enjin transformasi di mana kami melakukan dan memperbaiki kerja, dan bukan sekadar merancang, dan penggunaan pasukan antara-agensi untuk mendapatkan pegawai perkhidmatan awam yang terbaik untuk membentuk dan menyediakan penyelesaian yang terperinci, secara proaktif mengumpul input dan maklumbalas daripada rakyat, menggunakan 16 Prinsip Penyampaian untuk membimbing kaedah berlainan dalam penyampaian, menetapkan PEMANDU untuk menjadi pemangkin dan pendukung transformasi, dan menerbitkan pelan hal tuju ini (dan laporan tahunan seterusnya) untuk melaporkan sasaran, rancangan dan prestasi secara telus.

Dalam sejarah Malaysia, kita selalu mengambil jalan yang jarang dilalui dan secara pragmatik memetakan laluan sendiri. Kini kita melakukannya lagi. Tidak ada kerajaan lain di dunia ini yang telah mengambil langkah seperti program transformasi yang sebegini berani. Namun kita faham bahawa dalam menyampaikan keberhasilan ini tidaklah begitu mudah. Akan terdapat rintangan di pertengahan jalan, termasuk sasaran yang tidak tercapai, inisiatif yang tidak berjaya, halangan pihak yang berkepentingan, tentangan terhadap sebarang perubahan dan cabaran baru yang kami tidak jangkakan. Dalam program transformasi yang berskala sebegini, adalah menjadi suatu perkara biasa di mana keadaan akan menjadi lebih buruk – atau merasakan keadaan menjadi lebih buruk – sebelum ia menjadi lebih baik. Walaupun mencabar, kami mesti melaksanakan transformasi ini.

Kami tidak boleh mentransformasi negara secara bersendirian. Zaman kerajaan “maha mengetahui” sudah berlalu, dan kami berjanji akan berkerjasama dengan rakyat, sektor swasta, sektor sosial dan pihak-pihak yang lain. Bersama-sama kita mesti melaksanakannya. Bersama-sama kita akan menyampaikannya.

Apabila GTP menghadapi pelbagai cabaran dan halangan yang tidak dapat dielakkan, kerajaan dan semua rakyat Malaysia mesti mengingatkan diri mereka sendiri, apa sebenarnya yang dipertaruhkan di sini dan tetap semangat. Apa yang dipertaruhkan di sini adalah pencapaian Wawasan 2020, membuat sesuatu yang berlainan untuk kehidupan generasi Malaysia masa kini dan generasi Malaysia akan datang dan mempertingkatkan reputasi dan kedudukan negara kita di mata dunia.





JABATAN PERDANA MENTERI

